

"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :  
Maksudnya : "Daripada Khaulatal Ansariyah Radiallahuanha ia berkata :  
Aku mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :  
Bahawasanya orang yang mencampuradukkan harta Allah  
dengan jalan yang tidak halal, maka mereka akan mendapat seksa api  
neraka pada hari kiamat kelak".

## MAJLIS MENDIRIKAN TIANG MASJID BAHARU KAMPUNG LAMUNIN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Khamis, 5 Februari. - Penduduk Kampung Lamunin dan kawasan sekitarnya akan mempunyai sebuah bangunan masjid baharu yang dijangka siap pembinaannya pada Mei 2027.

Sehubungan itu, Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu bagi masjid berkenaan diadakan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB); dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli MUIB; Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN); Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); Timbalan Setiausaha Tetap KHEU serta pegawai-pegawai kanan dari KHEU dan Kementerian Pembangunan.

>> Muka 3



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa hadir dan seterusnya menuang simen bagi Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu Kampung Lamunin.

## Bersama menyokong komuniti penjagaan kanser

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Rabu, 4 Februari. - Sempena Hari Kanser Sedunia 2026, The Brunei Cancer Centre (TBCC), Jerudong Park Medical Centre (JPCC) telah mengumpulkan pesakit, penjaga, keluarga, ahli profesional kesihatan serta golongan belia di bawah tema global 'United by Unique', menegaskan semula kepercayaan bahawa walaupun setiap perjalanan kanser bersifat peribadi, kekuatan lahir melalui perpaduan dan sokongan bersama.

Inisiatif Hari Kanser Sedunia ini telah menghimpunkan komuniti tempatan dalam sebuah program bermakna yang berteraskan konsep penyembuhan melalui seni.

Program ini menonjolkan ekspresi kreatif sebagai pendekatan sokongan dan terapeutik yang melengkapi penjagaan kanser secara holistik, di samping mengiktiraf ketabahan para pesakit serta dedikasi para penjaga yang sentiasa bersama mereka.

>> Muka 5

## Sumbangan sokong pelaksanaan majlis, aktiviti takmir sepanjang Ramadan

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Februari. - Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada

rakyat di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sejahtera dan makmur.

Sehubungan itu, YSHHB hari ini menyampaikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND86,500 kepada sebanyak 75 buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bagi menyokong pelaksanaan majlis dan aktiviti takmir khususnya sepanjang bulan Ramadan 1447 Hijrah yang bakal menjelang.

>> Muka 4

## Komitmen BIBD dekatkan perkhidmatan kewangan di Daerah Belait

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BELAIT, Jumaat, 6 Februari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Berhad hari ini secara rasmi memperkenalkan semula cawangan mereka yang terletak di Seria, sekali gus meningkatkan pengalaman perbankan kepada para pelanggan khususnya di Daerah Belait.

Dikenali sebagai salah satu penubuhan terawal BIBD di Daerah Belait dan terletak di nadi serta pusat kepada aktiviti minyak dan

gas Negara Brunei Darussalam (NBD), Cawangan Seria ini mempunyai nilai warisan yang mendalam.

Majlis pelancaran cawangan yang diperbaharui tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD.

>> Muka 7



## Berita Utama



MENGUKUHKAN pertumbuhan jangka panjang, kelestarian industri pelancongan

Muka 7



PERHIMPUNAN tahunan menyemai semangat perpaduan, kecemerlangan

Muka 9



JERAYAWARA Kenali ASEAN semai semangat perpaduan pelajar

Muka 20



INFO Teknologi

TEKNOLOGI dron dan penggunaannya dalam memudahkan pekerjaan

Muka 27

# Usaha berterusan, kerjasama padu bersama-sama bertindak, bersatu

## BAHAGIAN 1

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**A**LHAMDULILLAH, Persidangan Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2025 telah membincangkan secara menyeluruh usaha negara ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035, sekali gus menyaksikan semangat tanggungjawab dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak dalam menyumbang pandangan dan cadangan yang membina.

Persidangan juga dapat dilihat sebagai satu majlis syura yang penuh muhasabah, di mana setiap pandangan dan idea dikongsi dengan penuh keikhlasan demi kebaikan negara dan rakyat.

Sesungguhnya, kejayaan wawasan negara amat bergantung kepada penglibatan yang inklusif, usaha yang berterusan dan kerjasama padu daripada semua pihak dan lapisan masyarakat untuk bersama-sama bertindak dan bersatu.

Usaha-usaha yang dirangka dan dilaksanakan adalah untuk kesejahteraan rakyat dan negara yang dapat dirasakan dan dinikmati oleh seluruh rakyat secara inklusif, saksama dan mampan dalam kehidupan seharian.

Sehubungan itu, peramba, kaola, saya sukacita menjunjung kasih dan mengucapkan terima kasih di atas cadangan-cadangan yang bernas dan amat membina yang telah dikemukakan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung Usul Perbahasan Wawasan sepanjang Sesi Kedua persidangan tersebut. Segala pandangan dan saranan yang dikemukakan akan diteliti secara berterusan dan diambil kira dalam merangka dan memperkukuhkan langkah-langkah susulan yang lebih berkesan, strategik dan berimpak tinggi.

Seterusnya sukacita mengongsikan perkembangan berkenaan Wawasan Brunei 2035.

Secara keseluruhannya, pencapaian Pengukur Aspirasi Wawasan Brunei 2035 ialah Bagi Matlamat pertama Wawasan iaitu 'Rakyat Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya', kedudukan negara pada tahun 2025 dalam 'Global Talent Competitiveness Index' (GTCI) keluaran The Global Talent Competitiveness Index 2025, INSEAD, iaitu sebuah pengukur pencapaian akademik, serta aplikasi pengetahuan dan kemahiran, adalah di kedudukan 32 peratus negara teratas di dunia, iaitu dalam tangga ke-43 daripada 135 buah negara.

Bagi Matlamat Kedua iaitu 'Kehidupan Rakyat Yang Berkualiti Tinggi', negara berada di kedudukan ke-60 daripada 193 buah negara dengan skor 0.837 dalam kategori mempunyai 'Very High Human Development' menurut laporan Human Development Report 2025, keluaran United Nations Development Programme (UNDP).

Dan bagi Matlamat Ketiga iaitu 'Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan', pendapatan per kapita negara meletakkan negara di kedudukan ke-8 pada tahun 2024 berdasarkan laporan World Economic Outlook October 2025, keluaran International Monetary Fund (IMF).

Manakala, nilai Konsentrasi Pasaran Ekonomi (HHI) mencatat skor 2,301 iaitu konsentrasi pasaran ekonomi yang sederhana tinggi.

Berhubung pencapaian negara berkaitan Matlamat Pertama Wawasan, dikongsikan : Peningkatan mata skor dalam kesemua tiga domain Bacaan, Matematik dan Sains dalam Programme for International Student Assessment (PISA) bagi tahun 2022 berbanding tahun 2018;

Dua institusi pengajian tinggi negara disenaraikan dalam penarafan universiti global, seperti QS World University Rankings, yang mana berdasarkan laporan terkini, Universiti Brunei Darussalam (UBD) berada di kedudukan ke-367 iaitu 24 peratus teratas universiti di dunia, dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) berada di kedudukan ke-578 iaitu 38 peratus teratas universiti di dunia dan Kadar pekerja tempatan dengan jawatan Profesional, Pengurusan, Eksekutif dan Teknikal (PMET) meningkat kepada 39.3 peratus berbanding 38.1 peratus pada tahun sebelumnya.

Bagi Matlamat Kedua Wawasan, dikongsikan pencapaian pada tahun 2024 dari aspek kualiti kehidupan, iaitu Kadar jangka hayat meningkat kepada 79.1 tahun; Kadar pemilikan rumah meningkat kepada 68 peratus; Liputan hutan kekal pada kadar 72 peratus; Pembuangan sisa meningkat kepada 1.27 kg sisa per kapita sehari; Peratus penduduk yang mempunyai akses kepada bekalan air bersih kekal pada kadar 99.9 peratus; dan Peratus penduduk yang mempunyai liputan rangkaian mudah alih atau *mobile coverage* meningkat kepada



**MENTERI** di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berucap pada Sesi Muzakarah Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Mesyuarat Negara (MMN) pada Selasa, 13 Januari 2026 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, West Wing, Aras 1, Jabatan Perdana Menteri.

99.2 peratus.

Seterusnya dikongsikan pencapaian Matlamat Ketiga Wawasan pada tahun 2024, iaitu Kadar Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar mencatatkan peningkatan kepada 4.1 peratus; Imbangan perdagangan mencatatkan lebih sebanyak BND5.3 bilion; dan Kadar Inflasi Pengguna dicatat rendah pada kadar negatif 0.4 peratus.

Beralih kepada perkembangan pembangunan tenaga manusia dan pekerjaan.

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG										
FEBRUARI MASHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	SABTU	19	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
8	AHAD	20	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
9	ISNIN	21	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44
10	SELASA	22	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
11	RABU	23	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44
12	KHAMIS	24	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
13	JUMAAT	25	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar 31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Tutong 31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait 31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 7 FEBRUARI 2026

### Mempersiapkan diri menjelang Ramadan

**B**ULAN Ramadan akan menjelang tidak lama lagi, ia umpama tetamu agung yang dinanti-nantikan. Sebagaimana kita menyambut tetamu kehormat dengan persiapan rapi, jiwa seorang Muslim juga perlu diasah dan disuburkan dengan amal ibadah dengan lebih giat sebelum bulan mulia itu tiba. Memperbanyakkan amal tertentu boleh dilihat sebagai 'pemanasan badan' rohani untuk mempersiapkan kita di bulan Ramadan agar kita dapat meraih sebanyak mungkin keberkatannya.

Antara amalan utama yang boleh digiatkan ialah puasa sunat, terutamanya pada bulan Syaaban, sebagaimana yang diamalkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Puasa sunat bukan sahaja melatih jasmani, malah menyucikan hati dan meningkatkan kawalan diri. Ia bukan sahaja akan melatih kita untuk menahan lapar dan dahaga tapi untuk lebih banyak bersabar menghadapi ujian lain. Amalan membaca dan memahami Al-Quran juga perlu dipertingkatkan. Ramadan adalah bulan Al-Quran, maka ada baiknya jika kita sudah membiasakan lidah dan hati untuk biasa dengan kalamullah sebelum tibanya bulan Ramadan.

Solat sunat, terutamanya solat malam atau qiamullail adalah latihan penting untuk membiasakan diri bangun pada sepertiga malam. Dengan ini, kita tidak akan terkejut dengan tuntutan Solat Sunat Tarawih dan qiamullail di bulan Ramadan. Memperbanyakkan zikir dan istighfar turut membantu membersihkan hati dari karat dosa, menyediakan 'bekas' yang suci untuk menerima rahmat Ramadan.

Amalan sedekah juga perlu digalakkan. Memberi dengan ikhlas sebelum Ramadan melatih jiwa untuk lebih pemurah ketika bulan di mana pahala dilipatgandakan. Di samping itu, memperbaiki hubungan silaturahim dan memohon kemaafan adalah persiapan akhlak yang tidak kurang pentingnya. Ramadan adalah masa untuk pengampunan, maka masuklah ke dalamnya dengan hati yang lapang dan hubungan yang terpelihara.

Persiapan mental dan spiritual ini amat mustahak. Ramadan bukan sekadar perubahan rutin fizikal tetapi revolusi dalaman. Dengan membiasakan diri dengan ibadah lebih awal, kita dapat mengelak dari 'kejutan budaya' rohani dan lebih fokus kepada kualiti ibadah, bukan sekadar bertahan. Ibadah menjelang Ramadan ibarat pemanasan sebelum berlari maraton; ia mengoptimalkan potensi diri untuk mencapai garis akhir kemenangan dengan cemerlang.

Kesimpulannya, memperbanyakkan amal ibadah sebelum Ramadan adalah strategi bijaksana bagi seorang Muslim. Ia adalah tanda kerinduan terhadap bulan berkat dan usaha serius untuk merebut setiap peluang kebaikan. Menurut sebuah hadis, riwayat Ahmad, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selalu memberikan khabar gembira kepada para sahabat setiap kali datangnya bulan Ramadan, "Telah datang kepada kamu bulan Ramadan, bulan yang penuh keberkatan. Allah telah mewajibkan kepada kamu untuk berpuasa. Pada bulan itu Allah membuka pintu-pintu syurga dan menutup pintu-pintu neraka". - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu Kampung Lamunin

>> Muka 1

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan laungan azan dan bacaan zikir mendirikan tiang masjid baharu secara beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Lamunin, Awang Abdul Wafi bin Haji Awang.

Seterusnya, acara menuang simen yang didahului oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan serta diikuti oleh para jemputan khas.

Pada majlis berkenaan, tetamu - tetamu kehormat serta para jemputan turut berkesempatan mendengar taklimat mengenai ciri-ciri reka bentuk bangunan masjid baharu berkenaan yang disampaikan oleh Pegawai Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Dayang Ar. Hajah Hafizah binti Dato Paduka Haji Mohd. Nor.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Lamunin. Keseluruhan kapasiti

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



bangunan masjid baharu Kampung Lamunin apabila siap nanti, boleh menampung seramai lebih kurang 1,000 jemaah.

Antara kemudahan yang akan disediakan termasuk bilik kuliah, bilik Teknologi Maklumat (IT) dan perpustakaan, bilik pengurusan jenazah, kemudahan tandas

dan tempat berwuduk bagi lelaki dan perempuan serta Orang Kelainan Upaya (OKU) di samping kemudahan tempat letak kereta.

Bangunan masjid baharu berkenaan dibina di atas sebidang tanah berkeluasan lebih kurang 6.739 ekar dengan menggunakan peruntukan di bawah Tabung Dana bagi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa hadir pada Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu Kampung Lamunin (atas), manakala gambar kiri, Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa menuang simen.

Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam yang berjumlah BND5,776,214.65.

TAKLIMAT mengenai ciri-ciri reka bentuk bangunan masjid baharu berkenaan yang disampaikan oleh Pegawai Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Dayang Ar. Hajah Hafizah binti Dato Paduka Haji Mohd. Nor.



## MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS RPK ABDB

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Pertahanan



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Februari. - Bersempena dengan Ulang Tahun Jubli Emas Rejimen Pasukan Khas, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (RPK ABDB), RPK ABDB telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Ulang Tahun Jubli Emas Rejimen Pasukan Khas, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong pagi tadi.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan

II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Haji Hassan; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB dan warga RPK ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, diikuti dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan merupakan sebahagian daripada rangkaian aktiviti Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Emas RPK ABDB yang akan diraikan pada 12 Februari 2026, dengan acara kemuncak dijadualkan berlangsung pada 19 Ogos 2026.

سور و هنجاي فر خدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

### Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

# MEMPERKASA PENGUASAAN KOMUNIKASI BAHASA ARAB STANDARD



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**BERAKAS**, Rabu, 4 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) terus memperkukuh hubungan kerjasama pendidikan antarabangsa melalui pelaksanaan Kursus Komunikasi Bahasa Arab Fus-ha (Standard) hasil kerjasama strategik bersama Kementerian Pendidikan, Kesultanan Oman.

Program tersebut merupakan



kesinambungan kejayaan inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2023 dan kini diteruskan bagi Kohort Ke-2 Tahun 2025 dengan penyertaan tenaga pengajar serta pelajar dari sekolah-sekolah Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Kursus berkenaan dirangka khusus bagi memperkasa penguasaan komunikasi bahasa Arab Standard dalam kalangan warga pendidik dan pelajar melalui pendekatan pembelajaran moden, bimbingan fasilitator antarabangsa,

**PEMANGKU** Pengarah Pengajian Islam selaku Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil semasa berucap pada majlis tersebut.



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri sekali dan kiri).

serta penilaian berstruktur yang menitikberatkan keberkesanan penguasaan bahasa.

Antara matlamat utama program adalah untuk meningkatkan tahap kompetensi berbahasa Arab secara praktikal, memperkukuh profesionalisme pengajaran bahasa Arab, serta memperluaskan pengalaman pembelajaran peserta melalui pendedahan antarabangsa yang berkualiti.

Selain itu, penganjuran kursus ini turut menjadi platform penting dalam mengeratkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kesultanan Oman dalam bidang pendidikan bahasa Arab, sejajar dengan usaha berterusan KHEU bagi meningkatkan kualiti pendidikan Arab dan agama di negara ini.

Penyertaan kursus kali ini mencerminkan komitmen tinggi

para guru dan pelajar terhadap usaha pemantapan penguasaan bahasa Arab Fus-ha sebagai bahasa ilmu, komunikasi dan dakwah.

KHEU yakin program ini akan memberikan impak positif yang berterusan dalam melahirkan generasi pendidik dan pelajar yang berkemahiran, berdaya saing serta mampu menyumbang kepada pembangunan pendidikan Islam yang berkualiti di NBD.

Sehubungan itu, sebagai tanda penghargaan kepada para fasilitator dari Kesultanan Oman dan para peserta kursus, satu Majlis Doa Kesyukuran dan Penghargaan serta Penyampaian Sijil diadakan pagi tadi bertempat di salah sebuah kompleks membeli-belah di Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana

Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman Ke NBD, Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Haji Abd. Razak bin Haji Mohd. Daud, diikuti dengan ucapan daripada Pemangku Pengarah Pengajian Islam selaku Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Majlis diserikan dengan tayangan video dan seterusnya penyampaian sijil penghargaan kepada pegawai - pegawai Kementerian Pendidikan dari Kesultanan Oman dan para peserta kursus yang terdiri daripada 43 orang pelajar dan 42 orang tenaga pengajar.

Turut diadakan penyampaian sijil penghargaan kepada para peserta Program Pertukaran Kebudayaan dan Pendidikan (Program At Tau'amah) yang terdiri daripada 30 orang pelajar dan 10 orang tenaga pengajar persekolahan Arab dan ITQSHHB.

## Sumbangan sokong pelaksanaan majlis, aktiviti takmir sepanjang Ramadan



>> Muka 1

Majlis turut diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan kepada sebuah keluarga yang terlibat dalam kejadian rumah roboh. Majlis penyampaian sumbangan diadakan di Dewan An-Naura, Tingkat 3, Kompleks YSHHB, di ibu negara, hari ini.

Bagi masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara, sumbangan kewangan

disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Sementara itu, bagi Daerah Tutong, sumbangan kewangan disampaikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat

**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada majlis berkenaan (kiri). Manakala gambar kanan, bagi Daerah Tutong, sumbangan kewangan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Manakala bagi Daerah Belait dan Temburong pula, sumbangan kewangan disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Kesemua sumbangan tersebut telah diserahkan kepada imam-imam dan pegawai - pegawai masjid berkenaan.

Majlis kemudian diteruskan



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

dengan menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah BND5,000 kepada keluarga Awang Sahri bin Haji Braitno yang terlibat dalam kejadian rumah roboh akibat tanah susur di Kampung Birau.

Sumbangan kewangan tersebut disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imthihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB. Hadir sama, pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berkenaan serta pegawai-pegawai YSHHB.

# KHEU BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Tahliil berkenaan (atas), manakala gambar kiri, antara yang turut hadir pada majlis yang diadakan di Kubah Makam Diraja.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Majlis Tahliil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan

Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, yang

berlangsung di Kubah Makam Diraja.

Majlis dihadiri lebih 200 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KHEU serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Hadir sama ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, diikuti Tahliil dan Doa Arwah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Mohd. Saifullah bin Rosli.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; serta ketua-ketua jabatan di bawah kementerian berkenaan.

Majlis tersebut diadakan bagi menghadihkan pahala bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, zikir dan doa kepada mereka yang telah kembali ke rahmatullah serta merupakan antara acara keagamaan tahunan KHEU.

## Bersama menyokong komuniti penjagaan kanser



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**YANG** Berhormat Menteri Kesihatan juga selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah, Pantai Jerudong Specialist Centre (atas dan kiri).

### >> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah, Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar juga selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Pakar Perunding dan Ketua Perkhidmatan Pengesanan Awal dan Pencegahan Pusat Kanser Brunei (EDCPS), Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee juga selaku Pengerusi Hari Kanser Sedunia 2026 dalam ucapannya menekankan kepentingan untuk mengiktiraf keunikan setiap individu sambil berganding bahu sebagai sebuah komuniti.

"Tema ini mengingatkan kita bahawa walaupun kanser mungkin menjelaskan ramai antara kita, setiap perjalanan

adalah sangat peribadi," ujar Datin Dr. Hajah Noraslinah.

"Mengetengahkan pendekatan inovatif dalam sokongan pesakit, beliau turut membincangkan manfaat Terapi Seni, dengan menyatakan bahawa Terapi Seni bukan sekadar bersifat ekspresif, malah berasaskan bukti.

"Kajian menunjukkan bahawa terapi seni berstruktur mampu mengurangkan kebimbangan, kemurungan dan tekanan emosi secara ketara, di samping meningkatkan kesejahteraan keseluruhan serta kualiti hidup pesakit," tambahnya.

Seiring dengan itu, TBCC kini menjalankan sesi terapi seni secara berterusan untuk para pesakitnya, yang membantu memupuk hubungan sosial, empati, serta mewujudkan persekitaran penjagaan yang lebih menyokong dalam kalangan pesakit, ahli keluarga dan penjaga.

Sorotan utama program ini ialah sesi perkongsian pesakit, di mana para pejuang kanser berkongsi refleksi peribadi mengenai perjalanan rawatan mereka, penjagaan yang diterima serta kehidupan selepas kanser.

Pengalaman yang dikongsikan menjadi peringatan yang penuh makna tentang keberanian, harapan dan rasa syukur, sekali gus mencerminkan semangat 'United by Unique' melalui kepelbagaian pengalaman yang disatukan oleh kekuatan bersama.

Dalam usaha menyokong kesejahteraan emosi, program ini turut memasukkan persembahan seni ekspresif sebagai tanda penghargaan dan solidariti. Persembahan ini termasuklah persembahan instrumental dan koor terapeutik oleh Expression Music Academy, serta kakitangan JPMC. Disampaikan

dengan penuh kepekaan dan rasa hormat, ekspresi ini mencerminkan dorongan, perpaduan dan penjagaan kolektif melalui seni.

Program ini juga merangkumi sesi terapi seni untuk pesakit, yang menyediakan ruang selamat dan menyokong untuk refleksi diri serta luahan emosi.

Melengkapi inisiatif ini ialah pertandingan seni kanak-kanak, yang bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kanser dalam kalangan generasi muda. Melalui aktiviti mewarna dan melukis, kanak-kanak digalakkan untuk mempelajari empati, kebaikan hati dan kepentingan menyokong individu yang terjejas oleh kanser.

Pemenang pertandingan seni ini telah diiktiraf semasa program berlangsung, sambil meraikan kreativiti, penyertaan dan ekspresi bermakna. Beberapa karya terpilih dipamerkan dalam pameran seni yang turut

diundang untuk ditinjau oleh tetamu selepas acara.


Pameran ini berfungsi sebagai ruang refleksi, berkongsi kisah dan perspektif yang disampaikan melalui seni oleh kedua-dua pesakit dan belia.

Program ini turut menghargai sumbangan penting penaja dan rakan strategik, yang membolehkan inisiatif Hari Kanser Sedunia ini terlaksana serta mencerminkan komitmen kolektif terhadap penjagaan berorientasikan pesakit dan kesejahteraan komuniti.

Bersempena Hari Kanser Sedunia 2026, JPMC dan TBCC mengukuhkan semangat 'United by Unique', menghormati pengalaman kanser setiap individu sambil memperteguh penjagaan bersama, berlandaskan kepercayaan bahawa penyembuhan dapat disokong melalui empati, kreativiti dan semangat komuniti.

# MEMPERTINGKAT KEUTAMAAN PERALIHAN TENAGA, PENGURUSAN ASET LUAR PESISIR NBD

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM ketika berbincang mengenai peralihan hijau bersama Menteri Industri UK.

**ABERDEEN, UNITED KINGDOM,** Jumaat, 6 Februari. - Seiring dengan Lawatan Kerja ke London yang diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah di bawah Dialog Strategik Negara Brunei Darussalam (NBD) - United Kingdom (UK) : Rangka Kerja Ekonomi Hijau Brunei (BGEF) pada Januari 2026, satu delegasi Lawatan Kerja berasingan ke Aberdeen, UK turut diadakan, yang diketuai oleh Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Delegasi ke Aberdeen tersebut

terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan utama, termasuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jabatan Tenaga, serta badan-badan berkanun seperti Pihak Berkuasa Petroleum Brunei Darussalam, Pihak Berkuasa Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam.

Delegasi ini juga merangkumi seorang wakil daripada industri penyahoperasian (*decommissioning*) NBD, iaitu Anson International Sdn. Bhd.

Program di Aberdeen memberi tumpuan kepada tema-tema yang selaras dengan keutamaan

peralihan tenaga jangka panjang NBD, termasuk operasi tenaga luar pesisir, penyahkarbonan industri serta pengurusan bertanggungjawab aset minyak dan gas pada fasa akhir kitar hayat.

Program ini memanfaatkan pengalaman UK sebagai hab tenaga luar pesisir yang mapan, dengan perbincangan merangkumi pertimbangan dasar, pendekatan kawal selia dan amalan industri serta pembangunan keupayaan khusus sektor.

Melalui satu siri taklimat teknikal, lawatan tapak termasuk ke Pelabuhan Aberdeen serta sesi libat urus dengan pihak berkepentingan utama UK seperti Offshore Energies UK (OEUK), National Decommissioning Centre (NDC), North Sea Transition Authority dan Offshore Petroleum Regulator for Environment and Decommissioning (OPRED), program ini telah memberikan pandangan yang bernilai mengenai pendekatan UK dalam mengurus aset luar pesisir pada fasa akhir kitar hayat, memajukan peralihan ke arah sistem tenaga rendah karbon serta membangunkan sektor penyahoperasian sebagai satu sektor yang tersusun, selamat dan berdaya maju dari segi ekonomi.

Sesi libat urus tersebut menonjolkan keluasan keupayaan merentasi rantaian nilai penyahoperasian dan menegaskan kepentingan pendekatan ekosistem yang menyeluruh merangkumi industri, perkhidmatan dan pembangunan bakat.

Program ini juga membolehkan NBD berkongsi pandangan,

mengenal pasti potensi bidang kerjasama serta meneroka peluang yang boleh diteruskan antara kedua-dua negara, selaras dengan usaha untuk memperkukuh keupayaan nasional, rangka kerja tadbir urus dan modal insan secara berperingkat bagi menyokong peralihan tenaga yang pragmatik dan teratur.

Hasil daripada program di Aberdeen ini akan menyumbang kepada usaha berterusan NBD untuk memperkukuh rangka kerja institusi, meningkatkan kecekapan teknikal serta membina kesiapsiagaan ekosistem jangka panjang bagi menyokong pembangunan ekonomi yang mampan dan pencapaian objektif Rangka Kerja Ekonomi Hijau Brunei.

Selain mengetahui program di Aberdeen, Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM turut menyertai beberapa sesi libat urus terpilih semasa program di London bersama Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Antaranya termasuk Sesi Dialog bersama Kesatuan Pelajar Brunei di London mengenai prospek pekerjaan masa hadapan dan implikasi peralihan tenaga, satu pertemuan dengan Menteri Industri UK, Chris McDonald MP serta satu sesi libat urus yang dianjurkan oleh Majlis Perniagaan UK-ASEAN, yang melibatkan perniagaan dan pihak berkepentingan UK, termasuk Naz Shah MP, wakil Perdagangan UK ke Republik Indonesia dan ASEAN.



**YANG** Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM dan delegasi semasa mengadakan lawatan ke Aberdeen Harbour (Port of Aberdeen), United Kingdom (UK).

## Kongsi pengalaman, pandangan dalam reformasi institusi

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



**KULIAH** yang diadakan di Bangunan Pro-Chancellor and Arts Centre, UBD itu disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada kuliah berkenaan.



**TUNGKU,** Khamis, 5 Februari.

- Dalam usaha untuk terus memperkukuh peranannya sebagai peneraju kecemerlangan akademik dan inovasi, Universiti Brunei Darussalam (UBD) pagi tadi menganjurkan satu Siri Kuliah Umum bertajuk 'Knowledge for Sustainable Excellence'.

Kuliah yang diadakan di Bangunan Pro-Chancellor and Arts Centre, UBD itu disampaikan oleh Profesor Emeritus Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Semasa menyampaikan Kuliah Umum tersebut, Profesor Emeritus Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang antara lain menyentuh, dalam situasi institusi pengajian tinggi di seluruh dunia berdepan dengan cabaran besar termasuk ketidakpastian ekonomi global, keperluan yang mendesak terhadap kelestarian alam sekitar serta perubahan pesat dalam memenuhi kehendak masyarakat, siri kuliah umum ini menyediakan platform perbincangan strategik mengenai keupayaan universiti untuk terus berdaya tahan dan berkembang dalam landskap pengajian tinggi yang semakin kompleks.



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Siri Kuliah Umum bertajuk 'Knowledge for Sustainable Excellence'.

Beliau juga berkongsi mengenai pengalaman dan pandangannya yang amat luas dalam reformasi institusi, pembangunan mampan, dan advokasi alam sekitar. Di mana kepakaran beliau di peringkat serantau dan antarabangsa juga telah menjadikan Kuliah Umum tersebut amat relevan dalam membincangkan hala tuju masa depan pengajian tinggi.

Melalui siri kuliah umum ini, UBD berhasrat untuk meneroka model kewangan baharu yang lebih mampan bagi memastikan kelangsungan dan kebebasan institusi dalam menghadapi cabaran ekonomi.

Selain itu, kuliah tersebut bertujuan untuk memperkukuh kepimpinan dan tanggungjawab alam sekitar sebagai nilai teras universiti, menggalakkan dialog strategik antara ahli akademik, para penggubal dasar, pemimpin

industri dan para pelajar.

Pada masa yang sama, melalui kuliah tersebut, ia juga berhasrat untuk meletakkan UBD sebagai pusat pemikiran dan rujukan serantau dalam menangani cabaran pengajian tinggi.

Siri Kuliah Umum ini dianjurkan bersama oleh Office of Assistant Vice Chancellor (OVAC), Industry Engagement and Enterprise Development (IEED) dan UBD School of Business & Economics (UBDSBE).

Siri tersebut bukan sahaja salah sebuah program akademik, malah ia merupakan satu usaha bersepadu untuk melibatkan pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholder*) dalam memacu transformasi dan kecemerlangan mampan.

Kuliah tersebut juga dihadiri oleh warga UBD, penggubal dasar, pemimpin industri, pendidik serta orang ramai.

# KOMITMEN BIBD DEKATKAN PERKHIDMATAN KEWANGAN DI DAERAH BELAIT

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Azmah Haji Ahad



MAJLIS pelancaran cawangan yang diperbaharui tersebut disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD.

## >> Muka 1

Cawangan Seria berwajah baharu ini menghidupkan semula legasinya, memastikan ia terus

kekalkan sebagai pusat perbankan dan aktiviti kewangan yang berkembang maju di daerah tersebut. Cawangan yang baharu diubah

suai dan diperbaharui ini menawarkan perkhidmatan kaunter penuh di samping terminal layan diri utama, termasuk Mesin Deposit Tunai (CDM) yang baharu, bagi kemudahan tambahan dan akses perbankan 24 jam; Perkhidmatan Perdana untuk menyediakan bantuan diperibadikan kepada pelanggan perbankan istimewa serta Perkhidmatan BIBD Ar-Rahnu yang lengkap.

Pelancaran cawangan yang diperbaharui tersebut menegaskan komitmen berterusan BIBD dalam mendekati perkhidmatan kewangan kepada orang ramai, bagi memastikan akses yang lebih mudah kepada keperluan perbankan asas.

Pendekatan berteraskan komuniti ini mengukuhkan lagi dedikasi BIBD dalam menyokong kesejahteraan kewangan semua pelanggan, sambil menghargai masa lalu dan menyahut masa depan.

Dengan tumpuan untuk meningkatkan pengalaman



BANK Islam Brunei Darussalam (BIBD) Berhad secara rasmi memperkenalkan semula cawangan mereka yang terletak di Seria, sekali gus meningkatkan pengalaman perbankan kepada para pelanggan khususnya di Daerah Belait.

pelanggan, cawangan yang dilancarkan semula ini direka bagi memenuhi keperluan pelanggan yang semakin berkembang dengan menawarkan rangkaian perkhidmatan yang lebih menyeluruh di bawah satu

bumbung.

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah BIBD, Badan Penasihat Syariah BIBD serta Kumpulan Pengurusan Kanan BIBD.

## Mengukuhkan pertumbuhan jangka panjang, kelestarian industri pelancongan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Malam Anugerah dan Penghargaan Industri Pelancongan Brunei Tahun 2025.

### BANDAR SERI BEGAWAN,

Jumaat, 6 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) buat julung kalinya menganjurkan Malam Anugerah dan Penghargaan Industri Pelancongan Brunei Tahun 2025 bertempat di Serambi Suluh, Tarindak D'Seni, di ibu negara.

Acara berkenaan menghimpunkan pihak berkepentingan dalam industri pelancongan, termasuk wakil daripada penyedia penginapan, agensi pelancongan, penyedia perkhidmatan pelancongan, pemandu pelancong, organisasi media, pencipta kandungan, serta pegawai daripada sektor kerajaan dan swasta menghadiri malam anugerah berkenaan.

Lebih 400 tetamu, terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam industri pelancongan, termasuk wakil daripada penyedia penginapan, agensi pelancongan, penyedia perkhidmatan pelancongan, pemandu pelancong, organisasi media, pencipta kandungan, serta pegawai daripada sektor kerajaan dan swasta menghadiri malam anugerah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Ahli Lembaga Pelancongan Brunei, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap dari kementerian berkenaan.

Malam penghargaan berkenaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh yang menekankan pemulihan yang stabil dan pertumbuhan berterusan sektor pelancongan NBD.

Jelasnya lagi, pada 2025, NBD mencatatkan lebih 700,000 kedatangan pelawat melalui udara, darat dan laut, sekali gus menunjukkan kenaikan sebanyak 12.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ia juga mencatatkan prestasi kukuh pelancongan pelayaran, dengan kedatangan melalui laut meningkat sebanyak 46 peratus, dan 26 panggilan kapal pelayaran dijangka pada 2026.

Pertumbuhan positif sektor berkenaan jelasnya, disokong oleh peningkatan hubungan udara dan aksesibiliti melalui syarikat penerbangan nasional dan rakan kongsi, selain penambahbaikan mobiliti di darat dan perkhidmatan pelawat, termasuk platform *ride-hailing* dan aplikasi pemandu

pelancong digital, yang telah menyumbang kepada peningkatan keseluruhan pelawat.

Bahkan tambahnya lagi, pelancongan terus memainkan peranan strategik dalam pembangunan nasional di negara ini yang dikenal pasti sebagai salah satu daripada lima sektor utama yang menyumbang kepada diversifikasi ekonomi, penciptaan pekerjaan dan pertumbuhan negara.

"Walaupun menghadapi cabaran, sektor ini telah mencapai beberapa pencapaian penting melalui kepimpinan yang kukuh dan kerjasama berterusan antara agensi kerajaan, pihak kepentingan industri, komuniti dan rakan kongsi.

"Bukan itu sahaja, pembangunan modal insan juga terus diperkukuh dengan pengiktirafan terhadap 20 Pakar Pengamatan Burung Asas yang baharu, menyokong pertumbuhan pelancongan *niche* dan meningkatkan kualiti serta kepelbagaian pengalaman pelawat.

"Sejak pelaksanaan program latihan pemandu pelancong pada 2018, lebih daripada 200 pemandu pelancong berlesen telah dilatih di seluruh negara, termasuk enam Pemandu Pelancong Kanan, mencerminkan laluan kerjaya yang lebih jelas, pengiktirafan profesional dan kelestarian kerjaya jangka panjang dalam industri ini," katanya.

Dayang Salinah seterusnya berkata, kerjasama industri juga telah memperluaskan tawaran pelancongan NBD, dengan hampir 700 produk dan perkhidmatan pelancongan kini dipaparkan di Explore Brunei, berbanding kira-kira 400 pakej semasa pelancaran platform berkenaan pada 2023.

Kemajuan berkenaan jelasnya, mencerminkan kerjasama kukuh dengan ejen pelancongan, hotel, penyedia perkhidmatan pelancongan, komuniti tempatan, Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Jabatan Daerah.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

"Dalam segmen acara perniagaan, penyertaan dalam Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei MYCE) telah berganda dari 17 kepada 32 persidangan, seminar dan acara berkaitan, yang dianjurkan oleh sektor kerajaan dan swasta, menarik lebih 5,000 peserta tempatan dan antarabangsa.

"Penyertaan yang meningkat dalam pameran pelancongan dan platform jaringan antarabangsa juga telah mengukuhkan penglibatan dengan pihak berkepentingan global dan meningkatkan kehadiran NBD di pasaran utama," ujarnya lagi.

Pada acara berkenaan, sebanyak 37 anugerah telah disampaikan sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan dan sumbangan kepada ekosistem pelancongan NBD, termasuk enam Anugerah Standard Pelancongan ASEAN, yang diberikan kepada penerima sebagai pengiktirafan terhadap pematuhan dan pencapaian piawai pelancongan serantau.

Penerima anugerah Industri Pelancongan Brunei 2025 bagi Anugerah Pakej Kenali Negara Kitani (KNK) Baharu Terbaik dimenangi oleh Ghufuran Travel & Tours Sdn. Bhd., manakala Anugerah Pakej Pelancongan Alam Semula Jadi Terbaik disandang oleh Hasa Incentives Sdn. Bhd., sementara Anugerah Pakej Pelancongan Budaya Terbaik diberikan kepada Eco Ponies Garden, manakala Anugerah Pakej Pelancongan Pengembaraan Terbaik dimenangi oleh Oceanic Quest Sdn. Bhd.

Ini diikuti dengan Anugerah Pakej Pelancongan Pendidikan Terbaik, yang dimenangi oleh Freme Travel Services Sdn. Bhd., sementara Anugerah Pengendali Kapal Pesiar Terbaik diterima oleh Travelhub Tours & Travel Agency Sdn. Bhd., manakala Anugerah Ejen Pelancongan Baru

Cemerlang (kurang daripada tiga tahun) dimenangi oleh As-Safa Travel & Tours Sdn. Bhd.

Bagi Anugerah Transformasi Perniagaan Pelancongan pula milik BonaAsia Holiday Management Services, manakala Anugerah Penginapan Berkelanjutan Terunggul pula diterima oleh Radisson Hotel Brunei Darussalam, sementara Anugerah Venue MICE Terbaik pula dimenangi oleh International Convention Centre.

Seterusnya, Anugerah Tarikan Pelancongan Paling Banyak Dikunjungi diterima oleh Muzium Alat Kebesaran Diraja, manakala Anugerah Pengalaman Makan Autentik Brunei Cemerlang, milik Tarindak D'Seni, sementara Anugerah Transformasi Kemudahan Awam Tandas Terbaik, diberikan kepada Hua Ho Manggis, manakala Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Kapal Pesiar dimenangi oleh Ben Line Agency (M) Sdn. Bhd.

Seterusnya, Anugerah Pengendalian Keselamatan Pengembaraan Pelancongan Cemerlang menjadi milik Jerudong Park Adventure Kingdom, manakala Rumah Panjang Mendaram Besar pula menerima Anugerah Pencapaian Pelancongan Berasaskan Komuniti Terbaik, sementara Anugerah Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan Terbaik disandang oleh Laksamana College of Business.

Bagi Anugerah Pengaruh Pelancongan Tempatan Terbaik pula diterima oleh Aliq From Brunei, sementara Anugerah Pengaruh Pelancongan Antarabangsa Terbaik diberikan kepada Ikuto Hongu (Navito Halal), Jepun; manakala Anugerah Panduan Pelancong Muda Paling Memberikan Inspirasi diterima oleh Dayang Nazifa Fatimah binti Abdul Rahman@Mimi Iswana anak Irwani.

>> Muka 8

# JADIKAN NBD SEBAGAI DESTINASI BOLEH DIPERCAYAI UNTUK PELABURAN JANGKA PANJANG

Siaran Akhbar dan Foto : Standard Chartered Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 6 Februari. - Standard Chartered Bank (SCB) Brunei telah menganjurkan Taklimat Penyelidikan Global berprestijnya bagi separuh pertama 2026 (H1 2026) yang bertajuk 'An Uneasy Calm' di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkhiah, baru-baru ini.

Acara eksklusif berkenaan telah menghimpunkan kira-kira 130 pelanggan korporat dan pihak berkepentingan dengan tujuan untuk berkongsi pandangan berharga daripada ahli ekonomi

serantau kanan Standard Chartered mengenai prospek ekonomi global dan tempatan untuk tahun hadapan.

Ketua Pakar Ekonomi dan Ketua FX, bagi ASEAN dan Asia Selatan, Standard Chartered Global Research, Edward Lee; dan Ahli Ekonomi dan Penganalisis FX, Asia, Standard Chartered Global Research, Jonathan Koh, berkongsi perspektif mereka tentang trend ekonomi utama yang membentuk pasaran global dan landskap perniagaan tempatan. Perbincangan mereka

merangkumi peluang pertumbuhan, halangan ekonomi dan strategi untuk menavigasi iklim kewangan yang sentiasa berubah.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SCB, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim.

Pengiran Aki Ismasufian menjelaskan, dunia kini sedang mengalami peralihan yang mendalam. Penjajaran semula geopolitik, gangguan teknologi, keperluan iklim dan perubahan dalam kuasa ekonomi sedang membentuk semula cara ekonomi berkembang dan cara perniagaan beroperasi. Ini bukanlah kitaran jangka pendek, ia adalah kuasa struktur yang akan menentukan dekad akan datang.

Beliau seterusnya menambah, bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), integrasi serantau merupakan satu kelebihan yang ketara. Lokasi strategik, kestabilan politik dan kedudukan kewangan negara yang kukuh menyediakan asas yang stabil bagi menarik pelaburan dan memperdalam hubungan perdagangan.

"Ketika negara melangkah ke hadapan dengan agenda

kepelbagaian ekonominya di bawah Wawasan Brunei 2035, sektor-sektor seperti industri halal, tenaga hiliran, perkhidmatan digital, pelancongan dan logistik semakin penting.

"Sektor-sektor ini sejajar dengan trend permintaan serantau yang dikenal pasti dalam Penyelidikan Global kami," ujarnya.

Acara diikuti dengan ucap tama daripada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan selaku Pengerusi Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), yang menekankan kepentingan komitmen yang teguh dan usaha yang gigih untuk memperkukuh pembangunan sektor swasta meskipun pasaran yang tidak menentu dan mencabar.

Yang Berhormat seterusnya berkata, sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, NBD tidak terkecuali daripada perkembangan global ini. Dalam tiga suku pertama 2025, ekonomi mencatatkan sedikit penguncupan sebanyak 0.7 peratus tahun ke tahun. Walaupun puncak bermusim memberikan kekuatan, tekanan luaran seperti permintaan global yang lebih lemah dan tekanan kos, terus memberi kesan kepada keyakinan keseluruhan.

Yang Berhormat kemudiannya menekankan usaha berterusan BDCB untuk menjaga kestabilan kewangan sambil menyokong transformasi progresif ekonomi jangka panjang dengan Pelan Hala Tuju Kewangan Lestari 2025 - 2030.

Sebagai sebahagian daripada agenda pendigitalan kami tambah Yang Berhormat, BDCB juga akan mengeluarkan Pelan Hala Tuju Pembayaran Digital 2026 - 2030, yang bertujuan untuk memastikan pembayaran digital di NBD kekal selamat, cekap, inklusif dan bersedia untuk masa hadapan.

"Melalui inisiatif ini, kami berusaha untuk meningkatkan daya saing sektor kewangan kami dan meletakkan NBD sebagai



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Pengerusi Brunei Darussalam Central Bank semasa berucap.

destinasi yang boleh dipercayai dan menarik untuk pelaburan jangka panjang," ujar Yang Berhormat.

Sesi perbincangan panel kemudiannya diadakan dan dikendalikan oleh Pengarah Urusan, Confer Sdn. Bhd., Allen Lai, yang memudah cara perbincangan yang menarik dan relevan bersama barisan panel iaitu Ketua Pakar Ekonomi dan Ketua FX, Standard Chartered Bank, Edward Lee; Pemangku Penolong Pengarah Urusan, BDCB, Dr. Irene Yap; Pengarah Pejabat Perubahan Iklim Brunei (BCCO), Ahmad Zaiemaddien bin Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi.

Panel berkenaan bersama-sama meneliti trend global semasa, perkembangan serantau dan potensi implikasi, peluang dan cabaran untuk perniagaan di NBD.

Taklimat berkenaan menggariskan komitmen SCB untuk melengkapkan perniagaan di NBD dengan pandangan pakar dan bimbingan strategik untuk kejayaan jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut mengenai SCB, sila layari laman sesawang bank [www.sc.com/bn](http://www.sc.com/bn) atau ikuti Facebook dan Instagram bank di [www.facebook.com/StandardCharteredBN](https://www.facebook.com/StandardCharteredBN) dan <https://www.instagram.com/stanchartbn>.



**PANEL** berkenaan bersama-sama meneliti trend global semasa, perkembangan serantau dan potensi implikasi, peluang dan cabaran untuk perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

## HALUAN

### >> Muka 2

Trend kadar pengangguran, secara keseluruhan, terus mencatatkan penurunan kepada 4.8 peratus bersamaan dengan 11,200 orang pada tahun 2024 daripada 5.2 peratus pada tahun sebelumnya.

Kajian Tenaga Kerja (KTK) bagi tahun 2024 mencatatkan seramai 222,700 penduduk bekerja yang berumur 15 tahun dan ke atas, iaitu peningkatan sebanyak 6,000 orang berbanding KTK 2023.

Peningkatan ini sebahagian besar di sumbang oleh pekerja tempatan, yang meningkat kepada 158,800 pada tahun 2024 daripada 153,300 pada tahun 2023. Pertumbuhan ini melibatkan kedua-dua kategori pekerja iaitu Professional, Managerial, Executive dan Technician (PMET) dan juga bukan PMET, yang mana mencerminkan peningkatan peluang pekerjaan merentasi pelbagai tahap kemahiran dan sektor.

Bagi sektor swasta, tiga industri merekodkan peningkatan pekerja tempatan yang paling ketara, iaitu (1) Professional, Technical, Administrative and Support Service; (2) Accommodation and Food Service Activities; dan (3) Human Health and Social Work Activities.

Dalam memperkukuh penempatan tenaga kerja tempatan, Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC) giat merancang dan melaksanakan usaha dan inisiatif bagi mengenal pasti peluang-peluang pekerjaan yang berpotensi untuk dijawab oleh anak-anak tempatan. Usaha ini didukung melalui inisiatif penyediaan unjuran peluang-peluang pekerjaan, berdasarkan data daripada agensi-agensis berkepentingan di sektor kerajaan dan bukan-kerajaan, termasuk aktiviti penyumbangan luar bagi perkhidmatan kerajaan.

Peluasan akses anak tempatan kepada peluang-peluang pekerjaan juga dijalankan melalui portal pekerjaan dalam talian sektor swasta yang dikendalikan oleh Pusat Pekerjaan Brunei, di samping memastikan Surat Pengesahan Pekerja Asing hanya dikeluarkan setelah usaha penyetempatan oleh majikan disahkan, termasuk keutamaan kepada anak-anak tempatan bagi jawatan yang setimpal.

Dalam masa yang sama, perkhidmatan pembangunan kerjaya oleh jurulatih bertauliah turut disediakan bagi meningkatkan kesiapsiagaan anak tempatan melalui bengkel dan penelitian CV, tip dan simulasi temu duga serta konsultasi kerjaya.

Pihak kerajaan juga menitikberatkan inisiatif berkaitan kebajikan pekerja serta pencari kerja, dan kadar gaji. Kedua-dua faktor ini dikenal pasti sebagai *critical factors* dalam menarik dan mengekalkan anak-anak tempatan di sektor swasta. Dalam hubungan ini, Perintah Pekerjaan (Upah Minimum) telah dikuatkuasakan kepada

tujuh industri sejak 1 April 2025.

Bagi industri yang belum terkandung di bawah perintah tersebut, Salary Guideline terus dijadikan sebagai rujukan bagi memastikan dan mengimbangi taraf hidup pekerja.

Perantisan i-Ready dan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam, kadar pekerjaan yang direkodkan sebanyak 72 peratus, menunjukkan keberkesanan pendekatan pembelajaran berasaskan tempat kerja (*work-based learning*).

Program-program di bawah Manpower Industry Steering Committee (MISC) seperti Program iSkill dan Coding.bn merekodkan 42 peratus peserta mendapat pekerjaan setelah tamat program.

Pencapaian bagi program pensijilan profesional seperti SPIN in Accountancy pada kadar pensijilan sebanyak 15 peratus pula, perlu dilihat dalam konteks program memerlukan tempoh latihan yang lebih panjang, komitmen industri, dan kelulusan badan profesional yang ketat.

Dalam memastikan program-program kekal relevan dan berkesan, usaha berterusan dilaksanakan dalam memperkenalkan dan menambahbaik Program Pembangunan Tenaga Manusia, memperluas kerjasama strategik dengan industri melalui MISC, dan menyelaraskan Program Pembangunan Tenaga Manusia dengan pendidikan.

Bagi menangani isu pekerjaan secara menyeluruh dan *evidence-based*, kerajaan memberi tumpuan kepada pendekatan perancangan bersepadu, yang merangkumi aspek data, peluang pekerjaan dan *decent work*, serta pembangunan tenaga kerja.

Kerajaan akan melaksanakan Kajian Root Causes of Unemployment bersama CSPS, untuk memahami punca sebenar pengangguran, termasuk aspek permintaan tenaga kerja, bagi memastikan dasar yang lebih tepat dan berkesan.

Labour Market Information System (LMIS) juga sedang dibangunkan untuk mendukung perancangan tenaga kerja, serta unjuran pekerjaan dan kemahiran masa hadapan.

Di samping itu, Kerajaan menambah baik proses pengambilan pekerja asing bagi mendukung pertumbuhan ekonomi mampan sambil mengekalkan peluang pekerjaan untuk anak tempatan.

Selain itu, kerajaan juga menjalankan kajian kadar gaji agar struktur gaji adalah selari dengan industri dan keadaan semasa.

Dari aspek pembangunan tenaga kerja, kerajaan terus memperkukuh program sedia ada agar relevan, responsif kepada keperluan industri, dan melahirkan tenaga kerja yang memenuhi keperluan semasa dan masa depan.

### >> Muka 7

Kemudian, Anugerah Panduan Pelancong Profesional - Pilihan Industri diterima oleh Awang Muhammad Affendi bin Haji Abd. Rahman, sementara Anugerah Ejen Pelancongan Tahun Ini diraih oleh Freme Travel Services Sdn. Bhd., manakala Anugerah Premis Penginapan Pelancong diberikan kepada J-Hotel, sementara Anugerah Penyedia Perkhidmatan Pelancongan dimenangi oleh iam Food Enterprise.

Bagi Anugerah Panduan Pelancong diraih oleh Grace Agnes Lai Cheng Kim, sementara Anugerah Terobosan Pasaran Pelancongan Baru diberikan kepada Darussalam Services Sdn. Bhd., manakala Anugerah Penjelajah Kandungan Digital untuk Pelancongan Brunei, diterima oleh Dusty Boots, sementara Anugerah Kecemerlangan dalam Penerbitan Pelancongan dan Promosi Pelancongan, diberikan kepada BiG Magazine.

Anugerah Penghargaan Khas - Kecemerlangan Awam dalam Menyokong Industri Pelancongan pula dinobatkan kepada Awang Mohammad Nor Azlan bin Haji Abdullah, manakala Anugerah Duta Pelancongan Brunei Antarabangsa diterima oleh Wu Chun, sementara Anugerah Pencapaian Khas dalam Pelancongan, diterima oleh Muara Port Company (MPC), manakala Anugerah Sumbangan Cemerlang kepada Pelancongan diberikan kepada Royal Brunei (RB).

Sementara itu, Anugerah Standard Pelancongan ASEAN 2026 bagi Anugerah Hotel Hijau ASEAN diterima oleh Radisson Hotel Brunei Darussalam, manakala Anugerah Venue MICE ASEAN - Kategori Bilik Mesyuarat diberikan kepada An-Naura Hall, Wadah Amal Sdn. Bhd., Mutiara Ballroom, Radisson Hotel Brunei Darussalam, Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Anugerah Venue MICE ASEAN bagi Kategori Pameran dimenangi oleh Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei; manakala Anugerah Pelancongan Mampan ASEAN (ASTA) - Kategori Bandar diberikan kepada Mangrove River Safari, Freme Travel Services Sdn. Bhd., sementara Anugerah Pelancongan Mampan ASEAN (ASTA) bagi Kategori Luar Bandar dimenangi oleh Explore Temburong dan Lawatan Menara Kanopi, Freme Travel Services Sdn. Bhd.

Majlis Anugerah dan Malam Penghargaan Industri Pelancongan Brunei bertujuan untuk menginspirasi kerjasama berterusan dan inovasi dalam kalangan pemegang berkepentingan pelancongan, sambil mengukuhkan lagi komitmen bersama terhadap pertumbuhan jangka panjang dan kelestarian industri pelancongan NBD.

# Bersama membendung penyakit sosial, cegah pergaulan bebas

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Sahrizal  
Haji Said



**YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie semasa berucap pada Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai - pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1447 Hjrah / 2026 Masihi.**

merupakan perbuatan keji dan buruk adalah diharamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Pencegahan pergaulan bebas tanpa kawalan adalah sebagai jalan yang boleh mengelakkan perbuatan kesalahan zina. Oleh itu, perlulah institusi perkahwinan itu diberi keutamaan dan digalakkan sekiranya pasangan itu telah mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk hidup berumah tangga," terang Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Dalam pada itu, tambahnya, dalam mengendalikan majlis pernikahan bagi suatu perkahwinan, lazimnya jurunikhah yang bertauliah adalah mereka yang bertanggungjawab melaksanakan upacara atau istiadat pernikahan berkenaan.

Di antara syarat sah pernikahan itu ialah adanya disebutkan dalam suatu akad pernikahan itu mahar atau mas kahwin, yang biasa dibuat dalam bentuk wang tunai atau selainnya yang bernilai.

"Memandangkan pada masa ini sebutan wang negara telah ditetapkan sebagai 'Dolar Brunei', maka perlu bila akad nikah itu dibuat hendaklah disebut dalam akad dan ijab qabul itu bahawa mahar atau mas kahwin dengan sebutan 'Dolar Brunei' bukan lagi 'ringgit', kerana syarat mahar itu hendaklah dinyatakan dengan jelas apa jua dijadikan sebagai mahar atau mas kahwin. Ini adalah bagi mengelakkan sebarang kewahaman atau keraguan padanya," jelas Ketua Hakim Syarie.

Ketua Hakim Syarie juga ingin menyarankan dan memperingatkan kepada semua jurunikhah apabila menjalankan upacara akad pernikahan, hendaklah tidak mengada-adakan apa-apa perbuatan lain yang tidak berkaitan dengan tatacara akad nikah mengikut syarak, iaitu dengan mengadakan perbuatan seperti melaungkan takbir selepas akad nikah dibuat, kerana perbuatan itu tidak pernah dibuat dalam hukum syarak bagi suatu akad pernikahan.

"Oleh itu, para jurunikhah hendaklah mengulangkaji semula segala tatacara bagi mengakad nikah yang ditetapkan oleh hukum syarak yang sebenarnya dan bukan mengadakan perkara yang bertentangan dengan hukum syarak, ini bagi mengelakkan sebarang kewahaman dan kekeliruan orang ramai terhadap tatacara yang dijalankan oleh jurunikhah," jelas Ketua Hakim Syarie.

Sebelum mengakhiri ucapannya, Ketua Hakim Syarie sekali lagi menekankan dan mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah agar terus memelihara amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada diri masing-masing tidak mengira di peringkat mana.

Ini adalah kerana ia merupakan cerminan dalam aspek keperibadian penjawat awam yang diyakini dan dipercayai. Dengan adanya sikap ini ditambahnya, insyaaAllah akan dapat membawa kita semua kepada peningkatan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam diri kita sendiri secara individu dan kemajuan diri masing-masing serta secara tidak langsung membawa kepada peningkatan dan kemajuan organisasi Mahkamah Syariah secara keseluruhannya.

## Masyarakat perlu fahami kebaikan proses Sulh

Oleh : Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Melihat kepada statistik kes Sulh sepanjang tahun 2025, jumlah kes Sulh yang berjaya hanyalah sebanyak 36 kes daripada 106 kes yang didaftarkan di Unit Sulh, dan jumlah tersebut belum mencapai 50 peratus hanya 34 peratus daripada kes Sulh yang berjaya.

Dengan melihat kepada jumlah ini, berkemungkinan adalah kerana kurangnya kefahaman dalam kalangan orang awam mengenai proses Sulh, yang merupakan proses yang sangat membantu dan mempunyai kebaikan bagi pihak-pihak yang berkepentingan di dalam sesuatu kes tersebut.

Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar menggariskan mengenai perkara itu ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1447 Hjrah / 2026 Masihi yang mengambil tempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, di ibu negara, pagi tadi.

Menurut Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie, proses Sulh hendaklah diterangkan kepada orang awam agar masyarakat akan lebih memahami dengan jelas kebaikan yang ada dalam proses Sulh serta sebab kenapa proses Sulh perlu dijalankan dan dilaksanakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah.

Selain itu, tegas Ketua Hakim Syarie, melihat kepada statistik kes jenayah di Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh negara pada tahun 2025 sahaja, jumlah keseluruhan pendaftaran kes jenayah adalah sebanyak 631 kes.

241 kes adalah kes khalwat di bawah Bab 196(1) di dalam Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Penggal 275 iaitu khalwat yang dilakukan oleh orang Islam, manakala 17 kes merupakan kes khalwat di bawah bab 196(2) iaitu khalwat yang dilakukan oleh orang bukan Islam dengan orang Islam.

Melihat pada kesalahan Percubaan Melakukan Zina bagi Muhsan di bawah Bab 71(a) pula, jelas Ketua Hakim Syarie, jumlah kesalahan tersebut adalah sebanyak lima kes di seluruh negara, manakala kesalahan Percubaan Melakukan Zina bagi Ghairu Muhsan di bawah Bab 71(b) sebanyak 15 kes, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 20 kes.

Ketua Hakim Syarie seterusnya menjelaskan, bagi kesalahan Hamil Luar Nikah bagi Muhsan di bawah Bab 94(1)(a) pula adalah sebanyak 10 kes, dan kesalahan Hamil Luar Nikah bagi Ghairu Muhsan di bawah Bab 94(1)(b) sebanyak 12 kes, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 22 kes.

Manakala kesalahan lelaki yang menghamilkan seorang perempuan Islam luar nikah sama ada atau tidak perempuan tersebut telah melahirkan anak di bawah Bab 94(5) pula telah didaftarkan sebanyak 18 kes, yang membawa jumlah keseluruhan kes jenayah tersebut kepada 60 kes.

"Kesalahan yang tersebut termasuk dalam istilah perbuatan zina sama ada berupa percubaan zina atau yang menyebabkan kehamilan bagi perempuan dan lelaki yang menghamilkan perempuan," terang Ketua Hakim Syarie.

Juga dinyatakan oleh Ketua Hakim Syarie lagi, bagi tempoh lima tahun kebelakangan (sejak tahun 2020 hingga 2025) terdapat 248 kes kesalahan di bawah Bab 71(a), 71(b), 94(1)(a), 94(1)(b) dan 94(5) telah dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah seluruh negara.

>> Muka 10

## PERHIMPUNAN TAHUNAN MENYEMAI SEMANGAT PERPADUAN, KECEMERLANGAN



**YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai-Pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Mahkamah-Mahkamah Syariah,

Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri pagi tadi mengadakan Majlis Perhimpunan

Tahunan Pegawai - pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang

mengambil tempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Awang Mohammad Faizal bin Haji Wahab.

Seterusnya ucapan daripada Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pengiran Mohammaddin bin Pengiran Haji Aliakbar, selaku Penasihat Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai - pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1447H/2026M.

Majlis kemudian diserikan dengan ucapan daripada Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Majlis juga turut diisi dengan

tayangan video sorotan program dan aktiviti Mahkamah Syariah sepanjang tahun 2025, yang memaparkan inisiatif, pencapaian dan usaha berterusan mahkamah dalam memperingkatkan kecekapan pentadbiran serta perkhidmatan kehakiman.

Selain itu, satu tayangan video khas juga telah ditayangkan yang mempamerkan figura tokoh-tokoh Kehakiman Syariah yang telah tiada sebagai ristaan warga mahkamah.

Majlis diakhiri dengan penyampaian penghargaan kepada kakitangan yang telah bersara, sebagai tanda terima kasih dan pengiktirafan atas khidmat bakti serta sumbangan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan di Mahkamah Syariah.

Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai-pegawai Mahkamah ini diharap dapat terus menjadi wadah yang memperkukuh perpaduan, meningkatkan motivasi serta menyemai semangat kecemerlangan dalam kalangan seluruh warga mahkamah.

# GALAS TUGAS DENGAN AMANAH, TANGGUNGJAWAB

Oleh : Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Seluruh warga Mahkamah-mahkamah Syariah dinasihatkan dan dingatkan agar terus berazam dan bertekad untuk menjalankan setiap tugas dan amanah serta tanggungjawab yang diberikan.

Seperti yang dimaklumi pada tahun ini Mahkamah-Mahkamah Syariah akan menyambut Ulang Tahun Jubli Perak Ke-25 Tahun Penubuhan Mahkamah-Mahkamah Syariah.

Dalam pada itu, Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar ketika berucap menggariskan beberapa perkara antaranya amanah dalam tugas serta tanggungjawab yang diberikan untuk dilaksanakan sebaik-baiknya sebagai amanah yang besar.

Setiap jawatan yang kita pegang dalam kerajaan atau mana-mana organisasi jelas Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, baik dalam sektor awam atau sektor swasta bahkan dalam sebuah keluarga, apa yang dipegang dan dipikul itu bukan sebagai nama atau status kedudukan semata-mata, akan tetapi sebagai suatu amanah dan tanggungjawab.

Amanah ialah suatu yang dibebankan sama ada secara lantikan rasmi atau diletakkan di atas pundak atau ia lantikan secara

semula jadi atau otomatis yang berupa tanggungjawab, sama ada berupa suatu tugas, pekerjaan, pelaksanaan, pemeliharaan terhadap amanah yang diberikan, diserahkan atau dipertanggungjawabkan, ia perlu dilaksanakan dengan penuh dedikasi penuh kesempurnaan, keadilan dan rasa takut kepada Allah yang melihat dan memantau sepenuhnya bagaimana amanah itu dilaksanakan dan ditunaikan dengan sebaiknya.

"Ingatlah siapa jua yang mencuaikan, berlaku tidak jujur atau berlaku zalim terhadap amanah yang ditugaskan maka tunggulah akan akibat balasan dan kebinasaan serta kemusnahan dari Allah Subhanahu Wata'ala yang mentakdirkan suatu amanah diserahkan kepada diri seseorang itu," jelas Ketua Hakim Syarie pada Majlis Perhimpunan Tahunan Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang mengambil tempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, di ibu negara, pagi tadi.

Ketua Hakim Syarie juga mengingatkan perlu diambil perhatian yang besar bagi setiap yang telah diberikan suatu amanah itu ialah kesan dan akibat kecuaihan dan kurang mengambil berat ke atas suatu amanah itu sepertimana peringatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud :

"Tidaklah seorang hamba dibebani amanah untuk memimpin rakyat lalu dia meninggalkan keadaan berkhianat kepada orang yang dipimpinnya (orang yang di bawah pimpinannya), melainkan Allah akan mengharamkan surga baginya".

Hadis ini, ujar Ketua Hakim Syarie menjelaskan betapa besarnya tanggungjawab dalam menjalankan amanah bagi setiap yang diberikan amanah dan bertanggungjawab tidak mengira di peringkat mana pun seseorang itu.

Maka adalah penting untuk setiap pegawai dan kakitangan agar dapat menunaikan amanah yang diserahkan dan tanggungjawab ke atas profesion masing-masing.

Ketua Hakim Syarie juga ingin mengetengahkan mengenai pengisian ruang fasiliti bagi perkhidmatan konsultasi yang telah dikhaskan oleh Mahkamah Syariah bagi membolehkan orang ramai mendapatkan bantuan konsultasi dan khidmat guaman syarie melalui firma-firma guaman syarie yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

Ketua Hakim Syarie menyarankan agar setiap fasiliti yang disediakan akan dapat digunakan sebaiknya oleh firma-firma guaman syarie agar orang ramai yang berurusan akan dapat menggunakan khidmat yang diperlukan bagi urusan-urusan yang memerlukan khidmat guaman peguam syarie.

## Masyarakat perlu fahami kebaikan proses Sulh

>> Muka 9

Bagi kes di bawah bab 71(a) iaitu Percubaan Melakukan Zina bagi Muhsan, daripada 12 kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah seluruh negara, sebanyak 10 kes telah dikenakan hukuman sebat.

Di bawah bab 71(b) iaitu Percubaan Melakukan Zina bagi Ghairu Muhsan pula, daripada 44 kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah seluruh negara, sebanyak 34 telah dikenakan hukuman sebat.

Manakala Zina bagi Ghairu Muhsan di bawah bab 69(2)(b) pula, daripada lima kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi Syariah, sebanyak tiga kes telah dikenakan hukuman sebat.

"Setiap kesalahan yang membawa hukuman sebat tersebut, adalah merupakan hukuman sebat setakat hukuman ta'zir bukan hukuman hadd yang membawa hukuman mandatori sebanyak 100 sebatan bagi pesalah muhsan, manakala jika pesalah muhsan yang sudah berkahwin yang melakukan kesalahan zina akan membawa hukuman rejam, iaitu dilempar dengan batu sehingga mati," ujar Ketua Hakim Syarie lagi.

Turut dikongsikan ialah statistik bagi kesalahan yang termasuk sebagai kesalahan zina mengikut syarak adalah sebanyak 248 kes, suatu bilangan yang agak besar terutama yang melibatkan kelahiran anak yang tidak sah taraf, iaitu anak yang tidak dapat dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kehamilan itu.

Mengikut statistik, terdapat 40 kes di bawah bab 94(1)(a), 94(1)(b) dan 94(5) di dalam Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Penggal 275 telah didaftarkan setakat ini pada tahun 2025 dan ini menunjukkan sekurang-kurangnya ada terdapat 40 kelahiran anak orang Islam yang tidak sah taraf atau yang diistilahkan anak zina.

Ketua Hakim Syarie menegaskan, kesalahan yang termasuk sebagai perbuatan zina mengikut syarak itu boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif dalam hukuman syarak, dan akan memberi impak kepada kesejahteraan bernegara kerana ia boleh mendatangkan bala dan balasan tidak baik lantaran berlakunya perbuatan keji dan mungkar yang tidak disukai Allah itu.

Ini termasuk kesalahan yang menyebabkan kelahiran anak yang tidak sah taraf yang tidak berdosa di mana anak berkenaan akan menanggung pelbagai kesan negatif dalam hidup mereka dalam pelbagai aspek.

"Berdasarkan statistik yang telah disebutkan tadi, terutama yang telah dikenakan hukuman sebatan takzir, menampakkan bahawa undang-undang yang ada belumlah dapat menyedarkan sepenuhnya akan kejinya kesalahan berkenaan, dan dosa dari kesalahan berkenaan masih belum memberi pengajaran dan pencegahan dari berlakunya kesalahan tersebut kepada orang lain," tegas Ketua Hakim Syarie lagi.

Pada hakikatnya, jelas Ketua Hakim Syarie, semua kesalahan yang diperuntukkan dalam Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Penggal 275 bukanlah hanya sebagai kesalahan yang membawa hukuman tertentu mengikut undang-undang akan tetapi setiap orang Islam perlu mengambil berat terhadapnya walaupun pesalah yang melakukan kesalahan itu telah menerima hukuman mengikut undang-undang, akan tetapi pada hakikatnya kesalahan yang dilakukan itu telah mendatangkan dosa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, tegas Ketua Hakim Syarie lagi, selama pesalah itu tidak bertaubat maka dosa itu akan ditanggung sehingga ke akhirat nanti di mana balasan Allah Subhanahu Wata'ala akan menanti lagi di hari pembalasan Allah.

## Komited memperkukuh keselamatan radiasi, memajukan keupayaan negara



**YANG Mulia Timbalan Menteri (Keselamatan dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut.**

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Februari. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) bersama Universiti Teknologi Brunei (UTB) bagi penubuhan Makmal Persampelan dan Analisis Radiasi (Radiation Sampling and Analysis Laboratory - RSAL).

Majlis Penandatanganan tersebut berlangsung di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan majlis penandatanganan ialah Timbalan Menteri (Keselamatan dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, yang

juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah SHENA.

Memorandum Kerjasama berkenaan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad, dan Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah SHENA serta pengurusan kanan SHENA dan UTB.

Dalam ucapannya, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah menyatakan bahawa sepanjang empat dekad penubuhannya, UTB telah berkembang selaras dengan keperluan dan aspirasi pembangunan negara. Bermula

sebagai sebuah institusi pendidikan teknikal, UTB kini berperanan sebagai universiti yang menyumbang secara aktif dalam bidang penyelidikan, inovasi serta pembangunan keupayaan sumber manusia.

Beliau menegaskan bahawa kerjasama ini mencerminkan peranan UTB dalam memperkukuh kedudukannya sebagai rakan strategik kepada agensi-agensi kerajaan, sekali gus memperkayakan budaya saling bekerjasama ke arah kecemerlangan institusi masing-masing.

Melalui MoC ini katanya, penubuhan Makmal Persampelan dan Analisis Radiasi di UTB akan menyokong usaha memperkukuh keupayaan negara dalam pemantauan radiasi, kesiapsiagaan menghadapi kecemasan serta perlindungan

keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

Tambahnya, inisiatif ini juga akan menyumbang kepada penyediaan data dan bukti saintifik yang boleh dipercayai bagi menyokong penggubalan dasar serta pelaksanaan pengawalseliaan.

Beliau turut berharap agar kolaborasi antara UTB dan SHENA dapat menyokong kepentingan nasional secara bersepadu, khususnya dalam pembangunan modal insan tempatan melalui perkongsian kemudahan, latihan teknikal, pemindahan teknologi serta pelaksanaan penyelidikan bersama.

Sementara itu, Awang Haji Muhsin dalam ucapannya pula menjelaskan bahawa kerjasama strategik ini merupakan sebahagian daripada Program Kerjasama Teknikal Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) di bawah inisiatif Pengukuhan Kawalan Pengawalseliaan Sinaran dan Kesiapsiagaan Kecemasan.

Antara komponen utama kerjasama ini ialah penyerahan sebuah Spektrometer Gamma High-Purity Germanium (HpGE) yang disumbangkan oleh IAEA, dan akan diserahkan oleh SHENA kepada UTB. UTB pula akan menyediakan infrastruktur makmal serta kepakaran teknikal bagi menyokong pengoperasian

peralatan berkenaan.

Menurutnya, penubuhan RSAL akan menyokong tiga teras utama, iaitu penubuhan garis asas kebangsaan dan pemantauan berterusan tahap radiasi persekitaran; memperkukuh penguatkuasaan Akta Perlindungan Radiasi (Penggal 228); serta berfungsi sebagai asas kepada Tindak Balas Kecemasan Kebangsaan Brunei Darussalam bagi analisis radiasi pantas dan penilaian pendedahan semasa insiden radiologi.

Mengakhiri ucapan, Awang Haji Muhsin menegaskan bahawa kerjasama ini menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035 dengan memperkukuh keupayaan negara dalam melindungi kesihatan awam dan alam sekitar daripada bahaya radiasi.

Makmal tersebut dijangka mula beroperasi selepas kerja-kerja pengubahsuaian selesai, dengan pentauliahan rasmi dirancang menjelang akhir tahun ini.

MoC ini mencerminkan komitmen bersama SHENA dan UTB dalam memperkukuh keselamatan radiasi, memajukan keupayaan negara serta memastikan Negara Brunei Darussalam kekal sebagai sebuah negara yang selamat untuk bekerja dan didiami.

## Wanita bangsa Filipina pilih Islam



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

**BERAKAS**, Rabu, 4 Februari. - Usaha berterusan Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dalam memperkasa dan menyebarkan dakwah Islamiah di negara ini terus menampakkan impak positif apabila seorang wanita berbangsa Filipina memilih Islam sebagai pegangan hidupnya.

Beliau telah melafazkan dua kalimah syahadah dalam Majlis Pengislaman yang diadakan petang tadi bertempat di Bilik Al Muhtadiin, Bangunan Darul Huda, PDI, Kampung Pulaie.

### Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi. Turut hadir, Pemangku Penolong Pengarah, PDI, Pengiran Hajah Haslina Suriani binti Pengiran Haji Piut.

Majlis Pengislaman dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafaz dua kalimah syahadah oleh Dayang Cleofe Timtim Serondo di hadapan Pegawai Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI.

Beliau seterusnya memilih nama Islamnya sebagai Yasmin binti Abdullah. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati, disusuli dengan Dikir Marhaban sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Sejak awal Januari hingga 3 Februari tahun ini, seramai 39 orang telah memeluk Islam di seluruh negara. Manakala bagi Daerah Brunei dan Muara sahaja, seramai 14 orang telah memeluk Islam dalam tempoh yang sama.

## Permohonan Tawaran Biasiswa Kerajaan kini dibukakan

### Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Biasiswa, Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, Jabatan Pengajian Islam (JPI) memaklumkan bahawa Tawaran Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke Luar Negeri bagi sesi pengajian akademik 2026/2027 telah dibukakan mulai Rabu, 4 Februari 2026 hingga Sabtu, 21 Februari 2026.

Pemohon - pemohon yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke tahap Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Biasiswa KHEU bagi sesi pengajian akademik 2026/2027 adalah dipelawa memohon mengikut syarat-syarat yang disenaraikan untuk dipertimbangkan.

Borang permohonan Biasiswa KHEU dan keterangan lanjut boleh diperolehi melalui alamat berikut, iaitu Unit Biasiswa Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa JPI KHEU, Blok 2J, Bilik 14:03 Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam BA1311 atau e-mel ke [biasiswa@jpi.edu.bn](mailto:biasiswa@jpi.edu.bn) atau boleh diakses melalui pautan <http://tinyurl.com/borangbiasiswakheu2026>.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta dengan salinan-salinan sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah dikembalikan ke alamat berkenaan di atas tidak lewat pada Sabtu, 21 Februari 2026.

Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Unit Biasiswa, Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Biasiswa, JPI, KHEU pada waktu bekerja melalui talian +673 2231064.

## MMN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT



MAJLIS Mesyuarat Negara (MMN) menerima kunjungan hormat daripada Ahli-ahli Parlimen Bundestag, Republik Persekutuan Jerman iaitu Yang Berhormat Marja-Liisa Völlers dan Yang Berhormat Ellen Demuth; beserta pegawai-pegawai dari Kementerian Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman (atas, kanan dan bawah kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) petang tadi telah menerima kunjungan hormat daripada Ahli-ahli Parlimen Bundestag, Republik Persekutuan Jerman iaitu Yang Berhormat Marja-Liisa Völlers dan Yang Berhormat Ellen Demuth; beserta pegawai-pegawai dari Kementerian Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman.

Hadir bersama rombongan ialah isteri kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Dr. Imke Börner.

Mewakili MMN ialah Ahli-ahli MMN yang terdiri daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam dan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin; beserta Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai fungsi dan peranan perundangan masing-masing.

Ahli-ahli MMN turut berkongsi mengenai pelantikan Ahli-ahli

MMN dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab dalam bidang masing-masing.

Kedua-dua pihak juga bertukar pandangan mengenai perkembangan dalam bidang pendidikan, khususnya dalam pendidikan awal kanak-kanak serta sumbangannya terhadap pembangunan negara.

Turut disentuh ialah perkembangan wanita dalam kerjaya pada masa kini.

Kunjungan hormat ini merupakan sebahagian daripada lawatan rasmi delegasi Republik Persekutuan Jerman ke NBD selama dua hari yang diketuai oleh Menteri Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Dr. Johann David Wadepuhl.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahad



## MENINGKATKAN KESEDARAN, KEFAHAMAN LITERASI KEWANGAN ISLAM

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



REKTOR UNISSA hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas dan kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) menganjurkan Islamic Financial Literacy Day yang berlangsung di Auditorium, Kampus UNISSA, Gadong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan acara tersebut ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sementara itu, Pengerusi Program Islamic Financial Literacy Day, Mahmud Ameer Syahmi bin Mahmud Kashfi dalam ucapannya menjelaskan bahawa program tersebut merupakan inisiatif pertama yang diungkapkan oleh

pelajar FEKIm, UNISSA, dengan matlamat untuk meningkatkan literasi, kesedaran serta menanani minat pelajar di peringkat universiti dan sekolah menengah terhadap prinsip dan sistem dalam kewangan Islam.

Menurutnya lagi, penganjuran program ini amat bertepatan dengan kedudukan dan pencapaian Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam industri kewangan Islam.

Berdasarkan Laporan Islamic Finance Development Report 2025 yang telah diterbitkan oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada 8 Januari 2026 katanya bahawa NBD telah berada di kedudukan ke-13 dunia dalam pembangunan kewangan Islam.

Beliau menjelaskan, pencapaian ini membuktikan bahawa NBD mempunyai asas yang kukuh serta potensi yang amat besar untuk terus berkembang sebagai hab kewangan Islam di peringkat serantau dan antarabangsa.

Sehubungan itu tambahnya, pendedahan awal kepada generasi muda khususnya peringkat menengah dan universiti melalui program seperti ini adalah amat penting bagi memastikan pembangunan industri kewangan

Islam adalah sejajar dengan keperluan melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing.

Pada majlis itu, tetamu kehormat juga turut menyaksikan pelbagai inisiatif, bahan pameran dan perkongsian ilmu berkaitan kewangan Islam.

Program ini akan berlangsung selama dua hari sehingga besok bertempat di Auditorium UNISSA bagi pameran informatif dari pelbagai institusi-institusi kewangan Islam yang

berkepentingan di dalam ekosistem Kewangan Islam di NBD, serta Gimnasium UNISSA bagi aktiviti jualan makanan dan minuman, di samping penyediaan hadiah khas kepada para pelajar yang berjaya melawat kesemua ruai pameran.

Antara yang mengikuti pameran berkenaan ialah wakil-wakil dari agensi-agensi kewangan; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), BDCB, Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), Bank Usahawan termasuk Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam dan Al-Wady Consultant Services.

Tujuan program adalah untuk meningkatkan kesedaran serta kefahaman mengenai kepentingan literasi kewangan Islam dalam kalangan warga universiti dan masyarakat, selaras dengan prinsip Syariah dan pembangunan ekonomi yang mampan.

Diharap program ini akan dapat memperkukuh kefahaman dan kesedaran mengenai kewangan Islam dalam kalangan pelajar khususnya dan orang ramai secara amnya.

## Sentiasa berwaspada, ambil langkah pencegahan ketika gunakan ATM

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Berikutan dengan insiden pengklonan Kad Automated Teller Machines (ATM) baru-baru ini, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan dan menyakinkan orang ramai bahawa BDCB sedang bekerjasama rapat dengan Persatuan Bank-bank Brunei (BAB) untuk memperkukuh langkah-langkah pencegahan serta kawalan keselamatan untuk mengurangkan risiko sistemik kepada sektor kewangan dan mengelakkan berlakunya pengeluaran wang yang tidak dibenarkan.

Selaras dengan mandat BDCB untuk mengekalkan kestabilan kewangan dan melindungi pengguna, BDCB menghendaki bank dan institusi kewangan untuk melaksanakan kawalan yang kukuh bagi mencegah, mengesan dan menangani penipuan serta transaksi yang tidak dibenarkan.

Ini termasuk pemeriksaan ke atas mesin ATM secara berkala dan meningkatkan pemantauan bagi mengesan sebarang aktiviti yang mencurigakan secepat mungkin.

Setakat ini, bank dan institusi kewangan telah mengambil langkah pencegahan dan pembetulan dengan segera untuk menangani kebimbangan awam serta membantu pelanggan yang terjejas.

Pada masa yang sama, BDCB menasihati orang ramai untuk sentiasa berwaspada, mengikuti nasihat yang dikeluarkan oleh bank-bank awda serta mengambil langkah-langkah berikut, iaitu PERIKSA : sebelum menggunakan mesin ATM, pastikan pembaca kad dan papan kekunci tidak diubah suai dengan kekunci palsu atau kamera tersembunyi. Jika terdapat perkara yang mencurigakan, jangan gunakan ATM berkenaan dan laporkannya kepada bank awda.

Seterusnya, TUTUP : tutup papan kekunci ketika memasukkan Personal Identification Number (PIN) awda. Jangan sesekali mengongsikan maklumat kad atau PIN dengan sesiapa dan sentiasa peka terhadap persekitaran awda.

Manakala, PANTAU, iaitu semak penyata akaun awda secara berkala dan aktifkan notifikasi transaksi melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) atau aplikasi perbankan; dan LAPOR, iaitu segera laporkan sebarang transaksi yang tidak dibenarkan kepada pusat talian bank awda.

Mangsa aktiviti penipuan juga dinasihatkan untuk segera membuat laporan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di balai polis yang berhampiran atau dengan menghubungi Talian Kecemasan 993.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB menerusi talian +673 8380007 (semasa waktu pejabat) atau melalui e-mel [fcj@bdcg.gov.bn](mailto:fcj@bdcg.gov.bn).

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di NBD.



## Sentiasa waspada, peka terhadap keselamatan transaksi perbankan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menerima beberapa laporan daripada orang ramai berhubung kes pengeluaran wang tanpa kebenaran yang disyaki berkaitan dengan aktiviti pengklonan Kad Mesin Teler Automatik (ATM).

Setakat ini, sebanyak 37 laporan telah diterima daripada mangsa yang terjejas, dan dipercayai terdapat mangsa lain yang masih belum tampil membuat laporan. Siasatan awal mendapati kes ini melibatkan dua orang suspek lelaki warga asing yang dipercayai telah meninggalkan negara ini selepas melakukan pengeluaran wang secara tidak sah.

Modus operandi kes berkenaan dipercayai melibatkan pemasangan peranti pengklonan atau pada mesin ATM di kawasan gedung-gedung perniagaan sekitar Daerah Brunei dan Muara.

Maklumat perbankan yang diperolehi melalui peranti tersebut kemudiannya digunakan untuk menghasilkan Kad ATM klon bagi tujuan pengeluaran wang di mesin ATM di lokasi lain.

Sehubungan itu, PPDB kini sedang menjalankan siasatan lanjut dan bekerjasama rapat

dengan agensi - agensi penguatkuasaan dalam dan luar negara serta institusi perbankan berkaitan bagi menjejaki suspek, seterusnya membongkar kegiatan serta rangkaian jenayah yang terlibat.

PPDB menasihati orang ramai agar sentiasa berwaspada dan lebih peka terhadap keselamatan transaksi perbankan masing - masing, khususnya semasa menggunakan mesin ATM. Orang ramai juga digalakkan untuk sentiasa memantau akaun bank bagi memastikan tiada transaksi yang tidak dibenarkan berlaku.

Antara langkah pencegahan yang disarankan ialah: Sebelum menggunakan mesin ATM, pastikan pembaca kad dan papan kekunci berada dalam keadaan normal serta tidak menunjukkan sebarang tanda diubah suai. Berhati-hati terhadap petunjuk pengklonan seperti papan kekunci palsu atau longgar, peranti yang dipasang secara mencurigakan, atau kamera tersembunyi yang berkemungkinan digunakan untuk merakam nombor PIN. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, elakkan daripada menggunakan mesin ATM tersebut dan laporkan kepada pihak bank dengan

segera.

Selain itu, tutup papan kekunci semasa memasukkan nombor PIN dan sentiasa peka terhadap persekitaran sekeliling; serta menyemak penyata akaun secara berkala serta mengaktifkan perkhidmatan makluman transaksi.

Di samping, menukar nombor PIN Kad ATM secara berkala bagi meningkatkan tahap keselamatan; serta menghubungi pihak bank dengan segera sekiranya mengesan sebarang transaksi yang mencurigakan atau tidak dibenarkan.

PPDB menegakan bahawa sikap cuai dan leka boleh membuka ruang kepada penjenayah untuk mengambil kesempatan, justeru orang ramai digesa agar sentiasa berhati-hati, berdisiplin dan tidak memandang ringan aspek keselamatan kewangan peribadi.

Sebarang kejadian atau aktiviti mencurigakan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada balai polis berhampiran atau melalui Talian Kecemasan 993, di samping memaklumkan pihak bank masing-masing serta Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) bagi membolehkan tindakan pantas diambil demi melindungi kepentingan orang ramai dan mencegah kejadian berulang.

# UTB MEMBACA YAA SIIN, BERTAHILIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Februari. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-40, Universiti Teknologi Brunei (UTB) petang tadi menganjurkan Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahliil bagi

SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahliil (kanan), manakala gambar kiri, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Abdul Rahman, serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, yang berlangsung di Kubah Makam



Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad. Turut hadir ialah

pegawai-pegawai utama UTB, para pensyarah serta kakitangan universiti. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan beramai-ramai Surah Yaa Siin dan Tahliil, dan diakhiri dengan bacaan Doa Tahliil.

# Seminar memperkukuh daya saing pelancongan NBD



**TIMBALAN Setiausaha Tetap I, KSSUP** semasa berucap.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, dengan kerjasama Pusat ASEAN-Korea (AKC), telah menganjurkan bersama Seminar Pembinaan Kapasiti bertajuk 'Laying the Groundwork: Beginning the UNESCO Heritage Pathway in Brunei' di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Seminar ini bertujuan untuk memperkukuh daya saing pelancongan NBD dengan menyediakan platform praktikal bagi membincangkan laluan negara ke arah pencalonan Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa hadapan, melalui perkongsian pengalaman Republik Korea dalam proses pengiktirafan Warisan Dunia UNESCO, dengan sokongan UNESCO.

Tetamu kehormat bagi acara tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap I, KSSUP, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi.

Turut hadir ialah Setiausaha Agung Pusat ASEAN-Korea, Kim Jae-shin serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke NBD, Tuan Yang Terutama Sun Nahm Kook.

NBD memiliki khazanah warisan semula jadi yang melimpah, dengan lebih 70 peratus daripada keluasan tanah negara diliputi hutan, di samping warisan budaya Islam yang tersendiri.

KSSUP telah giat berusaha mendapatkan pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO sebagai satu pendekatan untuk meningkatkan daya saing pelancongan negara, melalui penubuhan rangka kerja perlindungan dan pengurusan



warisan yang sistematik sepanjang proses pencalonan warisan semula jadi dan budaya, serta memupuk industri pelancongan warisan yang mampan.

Kementerian ini juga telah bekerjasama rapat dengan Pejabat UNESCO Jakarta bagi menetapkan hutan negara sebagai keutamaan utama pencalonan kebangsaan. Negara ini turut meneruskan penyelidikan berkaitan pencalonan warisan semula jadi dengan kerjasama Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar, Universiti Brunei Darussalam.

Paling terkini, NBD bersama rakan serantau telah berjaya menyertai pencalonan pelbagai negara bagi Kebaya dan Pantun, yang telah diiktiraf dan dimasukkan ke dalam Senarai Perwakilan Warisan Budaya Tidak Ketara Kemanusiaan UNESCO.

Seminar ini dianjurkan bagi menyokong usaha NBD dalam memperkukuh pengurusan warisan kebangsaan serta meningkatkan daya saing pelancongan. Pakar Warisan Dunia dari Republik Korea dan UNESCO telah mengambil

**TIMBALAN Setiausaha Tetap I, KSSUP** semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Seminar Pembinaan Kapasiti bertajuk 'Laying the Groundwork: Beginning the UNESCO Heritage Pathway in Brunei' di Negara Brunei Darussalam (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada seminar berkenaan.

**Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**  
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

bahagian sebagai penceramah, berkongsi pengalaman khusus negara dan rantau mengenai proses pengiktirafan Warisan Dunia UNESCO serta implikasi yang lebih luas.

Institusi utama yang dijemput termasuk Pejabat Wilayah UNESCO Jakarta, Perkhidmatan Warisan Korea di bawah Kementerian Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan Korea, Suruhanjaya Kebangsaan Korea bagi UNESCO, serta Pusat Warisan Alam Semula Jadi Dunia

Jeju di bawah Kerajaan Wilayah Jeju.

Sebelum seminar berlangsung, Pusat ASEAN-Korea bersama para pakar jemputan telah mengadakan lawatan teknikal ke Taman Negara Ulu Temburong bagi menilai status semasa pengurusan warisan semula jadi, usaha pemuliharaan biodiversiti, serta nilai warisan alam sekitar taman tersebut.

Kira-kira 80 orang peserta telah menghadiri seminar ini, termasuk pegawai kerajaan yang

terlibat dalam kerja berkaitan Warisan Dunia, penggiat industri pelancongan, serta pakar akademik. Perbincangan memberi tumpuan kepada keperluan utama dan strategi persediaan bagi pencalonan Warisan Dunia, keseimbangan antara pengurusan pemuliharaan dan pembangunan pelancongan selepas pengiktirafan, serta kajian kes operasi daripada negara-negara yang telah mempunyai Tapak Warisan Dunia, termasuk Republik Korea.

Timbalan Setiausaha Tetap I, KSSUP, berkata, "Inisiatif ini merupakan satu pencapaian strategik dalam usaha nasional kita untuk meningkatkan keterlihatan global dan daya saing Brunei, dengan mentransformasikan khazanah istimewa negara menjadi destinasi warisan bertaraf dunia".

Sementara itu, Setiausaha Agung Pusat ASEAN-Korea, menyatakan, "Adalah amat bermakna untuk menganjurkan seminar ini dengan matlamat kerjasama bagi memperkukuh lagi kerjasama pelancongan dua hala antara Republik Korea dan NBD. Memandangkan pengiktirafan warisan UNESCO merupakan satu proses yang kompleks dan bersifat jangka panjang, saya berharap seminar ini akan menjadi batu loncatan kepada pihak-pihak berkepentingan utama untuk berkumpul dan memulakan perbincangan substantif mengenai usaha nasional NBD ke arah pengiktirafan Warisan Dunia".



## STUDY UK FAIR : PELUANG PELAJAR TEROKA PENGAJIAN DI UK

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**JERUDONG**, Khamis, 5 Februari. - Bagi memberikan pendedahan serta peluang kepada pelajar di negara ini untuk meneroka laluan pendidikan bertaraf dunia di United Kingdom (UK), Ekspo Pendidikan Study UK Fair 2026 telah diadakan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, dengan kehadiran ratusan pelajar, ibu bapa dan pendidik.

Ekspo Pendidikan Study UK Fair 2026 kali ini menampilkan lebih 30 universiti terkemuka dari UK, di samping penglibatan rakan tempatan termasuk Kolej Perniagaan Laksamana, Bahagian Basiswa Kementerian Pendidikan, Majlis Kebangsaan Akreditasi Brunei Darussalam serta penyedia perkhidmatan pendidikan yang berkaitan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad, yang seterusnya merasmikan ekspo berkenaan bersama Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty.

Tuan Yang Terutama Ken O'Flaherty dalam ucapannya, menekankan kepentingan pendidikan UK dalam melengkapkan pelajar dengan pemikiran kritikal, kreativiti serta kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi cabaran ekonomi global.

"UK kekal sebagai peneraju dunia dalam bidang pendidikan, inovasi dan penyelidikan, dan kami berbangga kerana pelajar NBD terus meletakkan kepercayaan mereka terhadap pendidikan British," jelas TYT.

TYT turut seterusnya menyatakan bahawa penganjuran Study UK Fair di negara ini memberi peluang secara langsung kepada para pelajar untuk berinteraksi dengan wakil universiti terkemuka UK serta mendapatkan bimbingan berhubung hala tuju dan perancangan akademik masa hadapan.

Sepanjang penganjuran ekspo berkenaan, para pengunjung berpeluang bertemu secara langsung dengan wakil universiti UK, selain meneroka program prasiswa dan pascasiswa, serta

mendapatkan maklumat mengenai peluang biasiswa dan sokongan kewangan yang ditawarkan.

Di samping itu, pengunjung turut didedahkan dengan maklumat berkaitan proses permohonan visa, penginapan dan kehidupan sebagai pelajar di UK.

Beberapa sesi pembentangan disampaikan oleh British Council, Pegawai Jangkauan Visa UK serta Persatuan Pelajar Perubatan Brunei, yang memberikan penerangan mengenai prosedur permohonan, keperluan visa serta bentuk sokongan yang disediakan kepada pelajar NBD yang melanjutkan pengajian ke luar negara.

Sementara itu, Alumni Chevening Brunei turut menganjurkan sesi perbincangan panel bagi berkongsi pengalaman mereka melanjutkan pengajian di UK sebagai Sarjana Chevening, iaitu biasiswa berprestij yang dibiayai oleh Kerajaan UK.

Ekspo pendidikan berkenaan mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar sekolah kerajaan dan swasta, sekali gus mencerminkan peningkatan minat terhadap laluan pendidikan antarabangsa serta



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Ekspo Pendidikan Study UK Fair 2026.**

reputasi UK dalam bidang kecemerlangan akademik.

Pegawai Politik di Suruhanjaya Tinggi British di NBD, Morgan Kimber, turut menyatakan penghargaan terhadap sambutan positif yang diterima.

Menurutnya, Study UK Fair terus menjadi platform penting dalam membantu belia NBD melangkah dengan yakin ke arah masa depan, di samping memperkukuh kerjasama pendidikan antara UK dan NBD.

Suruhanjaya Tinggi British turut merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan, universiti-universiti yang terlibat, rakan strategik serta semua pengunjung atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan Study UK Fair 2026.

Ekspo Pendidikan berkenaan terus berperanan sebagai acara utama dalam mempromosi pendidikan tinggi UK serta menyokong pembangunan modal insan negara.

## Cungkil bakat pelajar dalam penguasaan bahasa Arab

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) telah mengadakan Pertandingan Kuiz Bahasa Arab dan

Pertandingan Membaca Berita Bahasa Arab secara selari sempena penganjuran Mahrajan Bahasa Arab 2025 baru-baru ini.

Pertandingan ini dianjurkan bagi memberi peluang kepada para peserta mempamerkan penguasaan, kefahaman serta minat mereka terhadap bahasa Arab.

Pertandingan Kuiz Bahasa Arab dibukakan kepada pelajar Tahun 10 hingga Tahun 13 dari sekolah-sekolah Arab yang bertujuan menggalakkan penguasaan bahasa Arab dalam suasana pembelajaran yang interaktif, mencabar serta menyeronokkan.

Seramai 50 orang peserta telah turut serta dalam menyertai pertandingan kuiz Bahasa Arab. Manakala seramai 14 orang pelajar telah menyertai Pertandingan Membaca Berita Bahasa Arab. Para peserta terdiri daripada Sekolah Tinggi Arab Hassanul Bolkiah, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Ma'had Islam Brunei dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah.

Penganjuran kedua-dua program ini juga selari dengan usaha memperkasakan bahasa

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

Arab sebagai bahasa ilmu dan komunikasi, di samping mencungkil bakat pelajar serta meningkatkan kecintaan mereka terhadap bahasa Arab.

Kedua-dua pertandingan yang diadakan menguji kebolehan para peserta yang merangkumi pelbagai aspek bahasa Arab termasuk nahu, saraf, kefahaman serta pengetahuan umum

berkaitan bahasa dan budaya Arab.

Penyertaan yang menggalakkan jelas membuktikan komitmen para pelajar serta sokongan pihak sekolah terhadap pembangunan akademik dan kebolehan pelajar serta menunjukkan kompetensi UNISSA dalam mengangkat martabat bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam.



**UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) mengadakan Pertandingan Kuiz Bahasa Arab dan Pertandingan Membaca Berita Bahasa Arab secara selari sempena penganjuran Mahrajan Bahasa Arab 2025 (atas dan bawah).**

## Penyalan lampu mewarnai Jambatan SHOAS, RIPAHS

Oleh : Srinarawie Bidzah  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - 4 Februari merupakan Hari Kanser Sedunia, yang disambut setiap tahun di seluruh dunia sebagai satu usaha global untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit kanser dan kepentingan pencegahan, pengesanan awal, rawatan, serta sokongan kepada pesakit.


Bersempena dengan Hari Kanser Sedunia 2026, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan melaksanakan penyalan lampu di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAHS) sebagai tanda sokongan terhadap usaha meningkatkan kesedaran mengenai kanser.

Penyalan lampu di kedua-dua jambatan berkenaan telah pun berlangsung dari Isnin, 2 Februari 2026 hingga Ahad, 8 Februari 2026, dari jam 7.00 malam hingga 5.00 pagi. Lampu berkenaan menggunakan warna biru dan oren, selaras dengan tema Sambutan Hari Kanser Sedunia 2026.

Sambutan Hari Kanser Sedunia pada tahun ini membawa tema 'United by Unique' atau 'Bersatu Berasaskan Keunikan'.

Tema berkenaan bukan sahaja menyeru masyarakat untuk bersatu dalam perjuangan melawan kanser, malah menekankan kepentingan memahami keunikan setiap individu dari segi latar belakang, budaya, emosi dan keperluan perubatan.

Marilah kita menjadikan Hari Kanser Sedunia 2026 sebagai satu dorongan untuk memperkukuh empati, memelihara maruah dan kesejahteraan pesakit kanser, berganding bahu sebagai masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab, di mana setiap individu memainkan peranan dalam menyokong perjuangan melawan kanser. Dengan semangat 'Bersatu Berasaskan Keunikan', kita dapat membina masyarakat yang inklusif, penuh harapan, dan mampu menghadapi apa jua cabaran penyakit kanser.



**PENYALAN** lampu di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin sebagai tanda sokongan terhadap usaha meningkatkan kesedaran mengenai kanser.



## Doa : Bahasa jiwa yang paling tulus



Subhanahu Wata'ala menggalakkan kita selaku hamba-hamba-Nya untuk berdoa secara langsung kepada-Nya tanpa perantara. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 186 :

**Tafsirnya** : "Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakan kepada mereka) : "Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran".

**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Araf, ayat 55 :

**Tafsirnya** : "Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan rendah hati dan dengan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas".

Dalam kesibukan dunia yang tidak pernah berhenti, adakalanya hati manusia terasa sesak, jiwa terasa kosong dan langkah terasa berat. Di saat itulah, doa menjadi sumber ketenangan kerana ia adalah bahasa jiwa yang paling tulus, yang lahir dari hati yang sadar dan insaf bahawa tiada tempat untuk bergantung dan mengadu melainkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata.

Doa bukan sekadar ucapan di bibir, bukan juga lafaz tanpa makna. Ia mengandungi pengakuan, permohonan dan curahan hati seorang hamba kepada penciptanya yang tidak mampu diterjemah dengan kata-kata biasa. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mendengar. Allah

Maka, janganlah sekali-kali kita ragu untuk berbicara dengan Allah Subhanahu Wata'ala melalui doa. Luahkanlah kepada-Nya segala yang tidak mampu kita luahkan kepada manusia. Jangan tunggu hingga datang ujian dan dugaan, baru kita mencari sejadah. Biasakanlah diri kita untuk berdoa ketika kita sihat, ketika kita senang, ketika kita lapang dan ketika kita gembira. Kerana apabila seorang hamba membiasakan diri berdoa di kala senang, maka apabila dia bermunajat dalam kesusahan dan kesempitan, insyaaAllah doanya akan lebih mudah diperkenankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dicapada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Sesiapa suka supaya dimakbulkan doanya oleh Allah pada waktu kesulitan dan kesusahan, maka hendaklah dia memperbanyakkan doa pada waktu senang". (Hadis Riwayat Tirmizi)

Sesungguhnya doa adalah senjata yang paling ampuh serta sumber kekuatan bagi seorang mukmin dalam menghadapi saat suka mahupun duka. Ini kerana doa hadir sebagai teman setia yang tidak pernah meninggalkan kita. Ia menjadi tempat mencurah perasaan dan untuk memohon pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala. Saat hati kita dilanda resah, doa itu datang menenangkan. Saat jiwa kita diselubungi kegelapan, doa itu hadir menjadi cahaya dan apabila fikiran serta jalan kita terasa buntu, maka doa itu datang membawa harapan.

Dalam agama kita, doa bukan sekadar

satu ritual bahkan ia merupakan satu bentuk ibadah yang mendekatkan seorang hamba kepada khaliqnya. Dicapada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Tiada ada sesuatu (zikir dan ibadah) yang lebih mulia di sisi Allah daripada doa". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Perlu diingat, bahawa tiada satu pun doa yang sia-sia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menjawab doa dengan cara yang paling bijaksana. Jawapan Allah Subhanahu Wata'ala datang dalam pelbagai bentuk, antaranya :

**Pertama** : Dimakbulkan seperti yang diminta iaitu pada waktu yang ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, sesuai dengan keperluan hamba-hamba-Nya.

**Kedua** : Ditangguhkan ke suatu masa yang lebih baik, supaya hamba tersebut belajar bersabar dan agar lebih menghargai nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala.

**Ketiga** : Digantikan dengan sesuatu yang lebih baik sama ada dalam bentuk ganjaran di akhirat ataupun dijadikan sebagai penolak bala dengan dijauhkan daripada keburukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, jangan sekali-kali kita berputus asa dalam berdoa. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tidak pernah lalai dan doa yang lahir daripada hati yang penuh keyakinan pasti akan kembali kepada kita dalam bentuk rahmat dan kebaikan. Dicapada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Tidaklah seorang Muslim berdoa yang tidak mengandungi dosa dan tidak bertujuan memutus silaturahmi, melainkan Allah akan memakbulkannya dengan tiga cara : Allah akan memakbulkan doanya sesegera mungkin, Allah akan menyimpan (menjadikannya pahala) baginya di akhirat kelak dan Allah akan menjauhkan daripadanya keburukan". (Hadis Riwayat Ahmad)

Antara amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam ialah mendoakan kebaikan untuk orang lain. Alangkah indahnya ajaran Islam apabila kita dianjurkan untuk saling mendoakan antara satu sama lain, sama

ada orang yang didoakan itu mengetahui ataupun tidak. Sesungguhnya amalan ini mencerminkan kasih sayang dan merupakan tanda ukhuwah yang sejati. Dicapada Abu Darda Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Doa seorang Muslim untuk saudaranya (yang lain) secara diam-diam adalah mustajab. Di atas kepalanya ada malaikat yang ditugaskan, setiap kali dia mendoakan saudaranya dengan kebaikan, malaikat itu berkata : Amin dan engkau pun akan memperoleh seperti yang engkau ucapkan". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Apabila kita memperluas doa dengan mendoakan kebaikan bukan hanya untuk diri sendiri tetapi juga untuk orang lain seperti mendoakan raja kita, ahli keluarga, sahabat, jiran bahkan umat Islam seluruhnya. Ia bukan sekadar tanda kasih sayang dan keprihatinan, bahkan ia merupakan bukti hati kita yang bersih dan jiwa yang penuh dengan ihsan. Tanpa kita sedari, doa yang kita panjatkan untuk mereka menjadi asbab turunnya ganjaran yang besar kepada diri kita sendiri.

Maka oleh itu, marilah kita menadahkan tangan dan berdoa agar raja yang kita kasih sentiasa dalam inayah Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan kesihatan, keafiatan, dilanjutkan usia dan kekal karar memerintah bumi Darussalam yang bertuah ini. Mudah-mudahan rakyat dan penduduk di bumi Darussalam ini sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat walafiat, aman damai, sejahtera serta makmur di bawah kepimpinan raja yang adil lagi bijaksana. Begitu juga, semoga seluruh umat Islam yang sedang berjuang, ditindas dan diuji di serata dunia diangkat penderitaan mereka oleh Allah Subhanahu Wata'ala, diteguhkan hati mereka dalam perjuangan dan dikurniakan kepada mereka kemenangan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya** : "Dan Tuhan kamu berfirman : "Berdoa kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina". (Surah Ghafir, ayat 60)

## Memperkasa pembangunan tenaga kerja tempatan



PUSAT Pekerjaan Brunei (PPB) semasa menganjurkan Hari Terbuka PPB 2026 (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) hari ini menganjurkan Hari Terbuka PPB 2026, satu acara tahunan yang bertujuan untuk mengongsikan serta memperkenalkan perkhidmatan, inisiatif dan program-program PPB secara bersemuka kepada para pencari kerja tempatan dan orang awam.

Acara tersebut berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Melalui penganjuran Hari Terbuka ini, PPB berhasrat untuk menyediakan platform yang lebih interaktif bagi membantu pencari kerja tempatan memahami dengan lebih mendalam peranan dan perkhidmatan yang disediakan oleh PPB, di samping menyokong

usaha kerajaan dalam memperkasakan pembangunan tenaga kerja tempatan.

Sepanjang acara berlangsung, para pencari kerja tempatan berpeluang untuk mendaftar akaun di portal PPB, mendapatkan tip penulisan CV dan persediaan temu duga daripada pegawai-pegawai PPB yang terlatih, serta mendapatkan konsultasi pamadanan kerja yang bersesuaian dengan kelayakan dan minat masing-masing.

Pengunjung juga akan diberikan

pendedahan lanjut mengenai program-program perantisan, peningkatan kemahiran (*upskilling*), latihan semula (*reskilling*) dan pelbagai kemahiran (*multiskilling*) yang ditawarkan oleh PPB secara percuma.

Selain itu, Hari Terbuka PPB 2026 turut menyediakan pelbagai taklimat, ceramah, forum dan sesi perkongsian yang akan disampaikan oleh pakar industri, fasilitator jemputan serta wakil daripada agensi-agensi berkepentingan.

Sesi - sesi ini memberi penekanan terhadap kepentingan mempelajari pelbagai kemahiran dan peningkatan kompetensi dalam usaha meningkatkan kebolehkerjaan dan kebolehpasaran pencari kerja tempatan agar lebih berdaya saing dalam pasaran pekerjaan semasa.

Acara ini juga membuka peluang kepada para pengunjung untuk memperluaskan jaringan profesional melalui interaksi bersama syarikat-syarikat yang mengambil bahagian serta wakil industri, sekali gus memberi pendedahan awal mengenai peluang kerjaya dan keperluan industri.

Orang ramai, khususnya pencari kerja tempatan, telah ramai yang hadir memeriahkan Hari Terbuka PPB 2026 dan membawa CV masing-masing bagi memanfaatkan sepenuhnya peluang perkhidmatan dan peluang yang disediakan sepanjang acara tersebut.



SILA IMBAS UNTUK  
KHUTBAH LENGKAP



جباتن حال احوال مسجد  
JABATAN HAL EHWAL MASJID,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# DOA; BAHASA JIWA YANG PALING TULUS

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 18 Sya'ban 1447H / 06 Februari 2026M

**ALLAH S.W.T MENJAWAB SETIAP DOA DENGAN CARA YANG PALING BIJAKSANA. JAWAPAN ALLAH S.W.T DATANG DALAM PELBAGAI BENTUK, ANTARANYA:**

## 1) DIMAKBULKAN

Dimakbulkan seperti yang diminta iaitu pada waktu yang ditentukan oleh Allah S.W.T, sesuai dengan keperluan hamba-hamba-Nya.

## 2) DITANGGUHKAN KE SUATU MASA YANG LEBIH BAIK

Ditangguhkan ke suatu masa yang lebih baik supaya hamba tersebut belajar bersabar dan agar lebih menghargai nikmat kurniaan Allah S.W.T.

## 3) DIGANTIKAN DENGAN SESUATU YANG LEBIH BAIK

Digantikan dengan sesuatu yang lebih baik sama ada dalam bentuk ganjaran di akhirat ataupun dijadikan sebagai penolak bala dengan dijauhkan daripada keburukan oleh Allah S.W.T.



# HARI TERBUKA BARIGA PERANAN, TANGGUNGJAWAB PPDB

## Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BELAIT**, Khamis, 5 Februari. - Daerah Polis Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menganjurkan Hari Terbuka sempena Sambutan Hari Polis Ke-105 Tahun, yang berlangsung di Dewan Persidangan Kuala Belait, pagi tadi.

Program berkenaan merupakan acara terakhir yang diadakan bersempena Sambutan Hari Polis Ke-105 di peringkat PPDB.

Hadir selaku tetamu kehormat

bagi menyempurnakan perasmian majlis, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amriol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Jabatan Gerakan, ACP Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah, selaku Pengerusi Sambutan Hari Polis Ke-105, serta Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, SUPT Pengiran Abu Naba'a bin Pengiran Haji Yusop.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh CPL 5396 Wan Mahathir bin Wan Brahim.

Selepas perasmian oleh tetamu kehormat, majlis diteruskan dengan Taklimat Jenayah Siber yang disampaikan oleh Inspektor Izzat bin Haji Basir daripada Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ).

Penyampaian cenderamata kenang-kenangan kepada tetamu kehormat telah disempurnakan oleh ACP Haji Hamri Aslan, sebelum majlis diakhiri dengan bacaan doa penutup.

Seterusnya, tetamu kehormat dijemput untuk mengadakan lawatan ke ruang pameran yang disediakan, diikuti dengan jamuan.

Kempen Derma Darah juga diadakan sebagai sebahagian daripada program tersebut.

Penganjuran Hari Terbuka berkenaan bertujuan untuk memperkukuh silaturahim antara PPDB dan masyarakat setempat, meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap peranan dan tanggungjawab pasukan polis, serta menyemai semangat kerjasama berterusan antara pasukan keselamatan dan masyarakat.



**PEMANGKU** Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perasmian Hari Terbuka sempena Sambutan Hari Polis Ke-105 Tahun, yang berlangsung di Dewan Persidangan Kuala Belait (kiri dan atas).

Program berkenaan sekali gus melabuhkan tirai Sambutan Hari Polis Ke-105 dengan penglibatan komuniti yang bermakna.



## Meningkatkan kesedaran mengenai ancaman penipuan dalam talian



**BAHAGIAN** Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini dijemput untuk menyampaikan taklimat bertajuk 'Penipuan Dalam Talian' (atas dan bawah).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini telah

dijemput untuk menyampaikan taklimat bertajuk 'Penipuan Dalam Talian' kepada ibu bapa, guru-guru serta murid-murid Tahun 5 dan Tahun 6 di Sekolah Ugama Rimba, Kawasan Brunei III.

Hadir pada sesi taklimat berkenaan, Guru Besar Sekolah Ugama Rimba, Dayang Hajah Rohayati binti Haji Hasan.

Seramai 15 guru, 83 ibu bapa dan penjaga, serta 220 murid yang terdiri daripada murid Tahun 5 dan Tahun 6 hadir pada sesi taklimat berkenaan.

Taklimat telah disampaikan oleh Koperal 4747 Syalihen bin Haji Ludin, yang antara lain menyentuh mengenai jenis-jenis penipuan dalam talian yang sering berlaku, langkah-langkah pencegahan

## Sebuah syarikat dikenakan denda kompaun BND2,000

### Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

**TUTONG**, Khamis, 5 Februari. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong, baru-baru ini telah mengeluarkan denda kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggagal 30).

Syarikat berkenaan ialah N.C.T Sdn. Bhd. kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) yang dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000. Syarikat tersebut telah melakukan kesalahan berkenaan di tempat pembuangan sampah di Kampung Penabai, Kuala Tutong.

Sehubungan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30).

Jika gagal membayar denda berkenaan dalam masa tujuh hari daripada tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat berkenaan boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



**ORANG** ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30).

serta kepentingan kesedaran keselamatan siber dalam kalangan masyarakat khususnya golongan pelajar dan ibu bapa.

Sesi taklimat berkenaan diharap dapat meningkatkan

kesedaran orang ramai mengenai ancaman penipuan dalam talian serta menggalakkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan melaporkan sebarang kegiatan mencurigakan kepada pihak berkuasa.



# Pegawai masjid diseru melaksanakan tugas mengikut garis panduan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan Haji Julazni Haji Zaini



**MUARA**, Rabu, 4 Februari. - Pegawai masjid diseru agar sentiasa melaksanakan tugas mengikut garis panduan yang ditetapkan di samping bersabar dan berhemah dalam menangani setiap perkara yang berbangkit, kerana pegawai masjid adalah *role* modal kepada masyarakat di sekitar masjid.

Selain itu, mematuhi setiap peraturan-peraturan yang telah digariskan termasuk Panduan Kerja Pegawai-pegawai Masjid, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi dan Peraturan Am (General Order).

Demikian antara kata-kata nasihat yang diucapkan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu pada Majlis Penghargaan Pegawai - pegawai Masjid Zon 4 Tahun 2026

berlangsung di Restoran Borneo Kopitiam, Jalan Muara, hari ini.

Menurut Awang Haji Asminan, para pegawai masjid harus menitikberatkan dalam penjagaan kesihatan termasuk kesihatan mental terutama sepanjang bulan Ramadan yang akan menjelang tiba.

"Pegawai masjid perlu bertugas setiap malam sepanjang bulan Ramadan. Selain kesihatan fizikal, kesihatan mental jua perlu dijaga. Bijak membahagi masa menangani keperluan tugas dan tuntutan peribadi dan keluarga.

"Tugas pegawai masjid memerlukan pengorbanan dan komitmen yang tinggi semasa sambutan hari-hari kebesaran Islam termasuk pada bulan Ramadan dan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam," tambahnya lagi.

**PEMANGKU** Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu hadir pada Majlis Penghargaan Pegawai-pegawai Masjid Zon 4 Tahun 2026 berlangsung di Restoran Borneo Kopitiam, Jalan Muara (atas dan kiri).

Terdahulu, Pengiran Haji Mohd. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar yang juga selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain menzahirkan penghargaan kepada semua warga zon 4 yang dikasihi sekalian, berikutan komitmen sepanjang tahun 2025 yang sangat baik serta banyak meninggalkan kenangan manis dan pahit ke arah usaha menandai tanggungjawab masing-masing.

Apa yang penting, katanya, adalah komitmen pada tahun ini akan dapat dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih baik dan cemerlang. Tambahnya, setiap langkah ke masjid, setiap doa yang dipanjatkan, setiap kebaikan yang dilakukan, semua itu membawa berkat dan pahala. Teruslah

berkhidmat kerana semua adalah *pilar* kebaikan.

"*Abiskita* adalah cahaya di masjid, membawa kedamaian dan keberkahan bagi jemaah. Teruslah berbakti, setiap usaha kamu tidak akan pernah sia-sia. InsyaaAllah, kebaikan *abiskita* akan menjadi warisan pahala yang tak terputus," katanya lagi.

Penyampaian cenderunghati seterusnya diberikan kepada pegawai-pegawai yang diraikan iaitu Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud (Imam Masjid Sungai Besar); Awang Mohd. Zakaria bin Haji Mohd. Salleh (Imam Masjid Kampung Pulaie) dan Awang Haji Hamdani bin Haji Sahat (Buruh Masjid Sungai Besar).

Seterusnya, Pegawai Hal Ehwal

Masjid (SkiPPA); Awang Mohd. Faiq Izzuddin bin Sabtu (Imam Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal); Awang Mohammad Muizzuddin bin Haji Abd. Hamid (Imam Masjid Sufri Bolkiah); Awangku Md. Hazim bin Pengiran Haji Md. Japar (Imam Masjid Kampung Pulaie) dan Awangku Muhd. Adi Azib Arsyad bin Pengiran Haji Bahar (Imam Masjid Kampung Sungai Hanching).

Majlis seumpama ini merupakan tahun kedua dilaksanakan bagi meraikan para pegawai masjid Zon 4 yang telah bersara dan berpindah ke zon lain di samping memberi peluang bagi berkumpul bersama sekali gus memperkukuhkan ukhuwah dalam kalangan warga masjid dan surau bagi Zon 4.

# PROGRAM MASYARAKAT BERMAKLUMAT BERMANFAAT TAMBAH PENGETAHUAN



**BERAKAS**, Rabu, 4 Februari. - Ke arah memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035,

Jabatan Penerangan menerusi Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik telah mengadakan Majlis Pembukaan

Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi Sektor Hospitaliti yang akan berlangsung selama dua hari bermula hari ini, bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Program disertai oleh seramai 44 peserta, yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan penuntut dari The School of Hospitality and Tourism, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal dan ahli-ahli dari Persatuan Hotel Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Haji Abdul Hakim. Turut hadir, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dikepalai oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan  
Foto : HERNIE SULIANA HAJI OTHMAN, ARIFAH MOHAMMAD ALIWARIDI



**PEMANGKU** Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Haji Abdul Hakim hadir selaku tetamu kehormat program (kiri). Manakala gambar atas, antara taklimat yang disampaikan.

Awang Mashod dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menyentuh Program Masyarakat Bermaklumat merupakan inisiatif jabatan dalam memberikan peluang kepada masyarakat untuk memimba ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut mengenai usaha-usaha pihak kerajaan dan agensi-agensi berkenaan dalam sama-sama membangun Negara Brunei Darussalam.

Melalui program, tambahna, para peserta boleh mendapat manfaat dan mengaplikasikan

kepada kehidupan sehari-hari sebagai contoh dalam menghadapi jenayah siber yang sedang berleluasa pada masa ini.

Program juga dapat memberikan inspirasi mahupun idea-idea melalui lawatan sambil belajar ke perusahaan - perusahaan tempatan.

Selaras dengan tujuan program iaitu untuk menyuntik semangat dan menginspirasi anggota masyarakat dalam usaha-usaha meningkatkan taraf hidup, pengetahuan serta pendedahan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti dan pengetahuan, program ini telah disusun atur dengan beberapa sesi taklimat dan lawatan ke agensi-agensy yang terpilih.



PROGRAM disertai oleh seramai 44 peserta.

# MENGUKUHKAN KOMITMEN KESAN MEMBENTUK KEPIMPINAN BELIA NBD

## Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Kemajuan Insan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Februari. - Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) baru - baru ini telah berjaya menganjurkan program 'Mind-setting : Our Legacy', iaitu sebuah program utama pertama bagi KESAN Catalyst Plus 2026, bertempat di The Kyu, Jerudong, dengan kehadiran 23 daripada 37 peserta Catalyst Plus.

Program berkenaan memberi penekanan kepada kepentingan pembentukan minda yang betul dalam kalangan pemimpin muda serta penjelasan tujuan dan niat dalam memacu kehidupan ke arah kejayaan yang bermakna.

Para peserta digalakkan untuk mengenal pasti semula kekuatan peribadi masing-masing dan meneroka bagaimana kekuatan berkenaan dapat dimanfaatkan untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Sesi berkenaan telah disampaikan oleh Ahli Jawatankuasa KESAN, Dayang Siti Julaiha binti Puasa, yang menekankan bahawa niat yang betul dan hala tuju yang jelas merupakan asas kepada kehidupan yang bermakna.

Beliau turut menekankan keperluan refleksi diri yang mendalam dan tindakan yang terancang serta fokus dalam usaha mencapai tujuan sebenar kehidupan.

Dalam ucapan pembukaan, Ketua Projek KESAN, Dayang Siti Nurul Yazidiah binti Haji Abdul Aziz, menjelaskan bahawa perjalanan Catalyst Plus kini telah melangkaui fasa penemuan diri, dan beralih kepada kehidupan yang bermakna serta memberi sumbangan kepada masyarakat.

Beliau mengingatkan bahawa legasi kepimpinan bukan hanya diukur melalui kejayaan peribadi, tetapi melalui kesan positif yang ditinggalkan melalui nilai dan khidmat kepada masyarakat.

Maklum balas daripada para peserta Catalyst Plus menggambarkan sesi berkenaan sebagai membuka minda dan menyegarkan, khususnya kerana pendekatan kepimpinan yang dibincangkan berlandaskan perspektif Islam dan dikaitkan kembali dengan identiti Melayu Islam Beraja.

Program 'Mind-setting : Our Legacy' menandakan satu



**PROGRAM** berkenaan memberi penekanan kepada kepentingan pembentukan minda yang betul dalam kalangan pemimpin muda serta penjelasan tujuan dan niat dalam memacu kehidupan ke arah kejayaan yang bermakna.

pencapaian penting dalam KESAN dalam membentuk tujuan dan khidmat, selari perjalanan Catalyst Plus 2026, kepimpinan belia Negara Brunei dengan Wawasan Brunei 2035, sekali gus mengukuhkan komitmen Darussalam yang berteraskan nilai, dan aspirasi Negara Zikir.

## 37 orang sertai Catalyst Plus 2026



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Februari. - Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) telah menganjurkan Sesi Taklimat Catalyst Plus 2026 baru-baru ini berlangsung di Dewan Silaturahmi, Pusat Belia, dengan melibatkan 37 orang Ahli Catalyst Plus yang terpilih bagi tahun 2026.

Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Ketua Projek KESAN, Awang Halim Kahar, yang menghuraikan hala tuju program, jangkaan terhadap peserta serta peranan Catalyst Plus dalam memajukan kepimpinan belia Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui pendekatan *mentoring* yang berstruktur.

Catalyst Plus 2026 merupakan kesinambungan kepada Program Mentoring Catalyst 2025, dan ditawarkan kepada Catalyst yang telah menunjukkan konsistensi dan komitmen sepanjang perjalanan *mentoring* mereka. Program ini memberi tumpuan kepada

pengukuhan kepimpinan peribadi, peralihan kepada kepimpinan berkumpulan serta aplikasi kemahiran kepimpinan dalam situasi praktikal dan dunia sebenar.

Para peserta turut dimaklumkan bahawa setiap kumpulan *mentoring* dikehendaki untuk merancang dan melaksanakan sekurang-kurangnya satu projek berkumpulan dalam tempoh Mac hingga Jun 2026, berasaskan tema Day of Action (DoA) yang telah ditetapkan, dan dilaksanakan di luar sesi *mentoring* rasmi.

Melalui Catalyst Plus 2026, KESAN berharap dapat terus memperkukuh peranannya dalam pembangunan kepimpinan belia NBD melalui bimbingan yang berstruktur serta memperkasa pemimpin muda untuk menterjemahkan pembelajaran kepada tindakan bermakna selari dengan Wawasan Brunei 2035 dan Negara Zikir.



**PERSATUAN** Kemajuan Insan (KESAN) menganjurkan Sesi Taklimat Catalyst Plus 2026 baru-baru ini dengan melibatkan 37 orang Ahli Catalyst Plus yang terpilih bagi tahun 2026 (kiri dan atas).

# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 'Vape: Ancaman Senyap Terhadap Kesehatan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 11 Februari 2026
- 'Belia Masjid Pemangkin Kepimpinan Ummah'. Tarikh Tutup : 18 Februari 2026
- 'Peranan Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi'. Tarikh Tutup : 25 Februari 2026

**TERMA DAN SYARAT :**

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi  
BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# PPPBD SERTAI PERHIMPUNAN WORLD THINKING DAY 100

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

**BERAKAS**, Rabu, 4 Februari. - Seramai lapan Ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) akan menyertai Perhimpunan World Thinking Day 100 (WTD100) With Girl Guides Singapore anjuran dan dihoskan oleh Girl Guides Singapore (GGS) bermula 5 hingga 8 Februari 2026 di Republik Singapura.

Perhimpunan WTD100 With Girl Guides Singapore yang membawa tema 'Our Friendship : Promise, Appreciate, Love' itu juga akan disertai oleh golongan ahli persatuan pandu puteri dari negara-negara rantau Asia Pasifik termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) atas jemputan GGS.

Sehubungan itu, antara yang hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) petang tadi bagi mengucapkan selamat jalan kepada para Ahli PPPBD berkenaan ialah Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Norazrina binti Haji Sarbini dan juga beberapa Ahli Jawatankuasa Tadbir PPPBD serta para ibu bapa dan ahli keluarga rombongan.

Rombongan berkenaan telah diketuai oleh Penolong Pesuruhjaya Daerah Brunei dan Muara PPPBD, Pengiran Siti Ra'inah binti Pengiran Haji Suhaimi manakala tujuh Ahli Pemimpin Muda, Pandu Puteri Ranjer dan

Pandu Puteri yang akan menyertai perhimpunan antarabangsa berkenaan terdiri daripada empat ahli dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) iaitu Dayang Nur Widadul 'Uzma binti Mohammed Alias, Dayang Azdiana Munirah@Azimah Munirah binti Muhammad Muhadi, Dayangku Waheeda Qistina binti Pengiran Iswandy dan Dayang Nurool Hasanatil Fitriyah binti Haji Hasan.

Seterusnya, Dayang Nur Bazilah Maisarah binti Md. Saifuddin dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; Dayangku Nurmaisaratul Amenah binti Pengiran Mohd. Helmy dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS) dan Dayang Nurul Matin binti Muhamad Saruddin dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan.

Antara objektif utama perhimpunan berkenaan adalah pertukaran budaya di samping meneroka dan mempelajari sejarah dan budaya Singapura melalui perbincangan, aktiviti luar dan program yang mencabar. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membina kemahiran diri serta mempromosi persahabatan dalam kalangan peserta dan persatuan yang terlibat.



SESI bergambar ramai para peserta dari PPPBD bagi menyertai Perhimpunan World Thinking Day 100 (WTD100) With Girl Guides Singapore.

Pengisian perhimpunan itu antaranya akan dimuatkan sesi perbincangan berkenaan aktiviti - aktiviti bersangkut Sambutan Hari Peringatan Sedunia 2026 atau 'World Thinking Day 2026', pertunjukan dan seni persembahan kebudayaan serta pameran, lawatan luar, khidmat masyarakat dan kongsi sama berkenaan aktiviti-aktiviti kepanduan di negara masing-masing.

Hari Peringatan Sedunia

disambut pada setiap tanggal 22 Februari bagi meraikan tertubuhnya gerakan kepanduan. Tema untuk Hari Peringatan Sedunia pada tahun ini ialah 'Our Friendship'.

Dalam pada itu, dengan penyertaan PPPBD dalam perhimpunan ini adalah diharapkan ia akan dapat membantu dalam meningkatkan kepimpinan, kualiti, potensi dan kapasiti Ahli-ahli PPPBD.

Selain itu, ia juga dihasrat

agar dapat memperbaharui dan mempelbagaikan program-program persatuan yang sedia ada untuk lebih menarik minat golongan perempuan dari peringkat kanak-kanak ke wanita muda dan dewasa untuk menyertai PPPBD dengan penerapan kaedah dan pendekatan yang lebih efektif serta mengembangkan dan memperluas hasil kerja persatuan melalui kolaborasi bersama badan-badan atau agensi-agensi yang berkaitan.

## Jerayawara Kenali ASEAN semai semangat perpaduan pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**LUMUT**, Khamis, 5 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas

mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut.

Hadir pada taklimat berkenaan, Timbalan Pengetua Pentadbiran, Awang Hamdani bin Haji Abu Bakar; dan para tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat Kenali ASEAN yang diadakan di dewan sekolah berkenaan, disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada seramai 158 pelajar Tahun 8.

Taklimat antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang disampaikan oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga merupakan usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN



TAKLIMAT Kenali ASEAN yang diadakan di dewan sekolah berkenaan, disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail yang juga menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz (kiri dan atas).

ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya

para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.



PARA pelajar semasa menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN.

Kementerian Kesihatan  
MINISTRY OF HEALTH

## Selamatkan Usus Awda.

### Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanker kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

\*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

**Jawatan:**  
Pensyarah (PT1A) / Penolong Profesor (PT2 / PT2A)

**Tangga Gaji:**  
PT1A (BND3190 - BND3300 - BND3410 - BND3520 - BND3640 - BND3760 EBKhas BND3880 - BND4000 - BND4120 - BND4240) PT2 (BND3880 - BND4000 - BND4120 - BND4240 - BND4360 EBKhas BND4480 - BND4600 - BND4720 - BND4840 - BND4960) PT2A (BND4480 - BND4600 - BND4720 - BND4840 - BND4960 - BND5080 - BND5200 - BND5320 - BND5400 EBKhas BND5610)

**Menghadapkan Borang Permohonan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini: <https://forms.gle/3WmiGGEhmXJu9B7x7> dan memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang-borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **28 Februari 2026**. Iklan penuh bolehlah dilayari di laman sesawang <https://ubd.edu.bn/about/career-opportunities/>



Pemohon-pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

**Jawatan:**  
Pustakawan

**Tangga Gaji:**  
UB.1 EB.2 (BND2,450 - BND4,240)

**Kekosongan:**  
1

**Menghadapkan Borang Permohonan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan: <https://tinyurl.com/PustakawanUBD2026>. Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat **20 Februari 2026**.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat Kelayakan Minimum (*shortlisted*) akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu Duga. Bagi permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hantar e-mel ke:

[admin.recruitment@ubd.edu.bn](mailto:admin.recruitment@ubd.edu.bn)



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam**

**Kelas:**  
IV (III & IV) Sahaja

**Kategori:**  
KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 001 / 2026 –  
(SEW).T.IV

**Nama Projek:**  
Kontrak bermusim  
Tiga (3) Tahun Bagi  
Kerja-Kerja Operasi dan  
Pemeliharaan Sistem  
Telemetri Bahagian Pembedungan,  
Jabatan Kerja Raya  
(2026 – 2029)

**Yuran Tawaran:**  
BND100.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00

**Kelas:**  
V (IV & V)  
Sahaja

**Kategori:**  
KA01 Sahaja – Kod Baharu

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 002 / 2026 –  
(SEW) T.IV

**Nama Projek:**  
Penyambungan Pembedungan  
Di Kawasan Kg Pengkalan  
Gadong, Kg Batu Bersurat  
Dan Kg Menglait

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:**  
Selasa,  
10 Februari 2026  
Tidak lewat  
dari jam 2.00 Petang

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
3 Mac 2026  
Tidak lewat  
dari jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga  
Bagi Rancangan Pemakanan  
Sekolah Dan Program  
Harapan 2026**

**DA / JKSH / 01 / 2026 / 2027  
[BPPA-FEB-2026]**

Sebut Harga Membekal  
Dan Menghantar Keperluan  
Rancangan Pemakanan  
Sekolah Bahagian  
Makan Bagi:  
Sekolah Rendah Rataie  
Daerah Temburong.  
Kementerian Pendidikan.  
Negara Brunei Darussalam  
Kod Blok: MTR/01  
Bagi Tempoh  
Tiga (3) Bulan

**Bayaran Yuran  
Sebut Harga:**  
BND5.00

**Tarikh  
Tutup / Waktu:**  
Sabtu,  
21 Februari 2026  
Jam 9.00 Pagi



**MOE / LTK / 77 / 2025 / 2026  
(JPPE-JAN-2026)  
Upgrading Works For  
Centre Of Excellence At  
Sekolah Rendah Lambak Kanan  
Jalan 49,  
Negara Brunei Darussalam.**

**Kelas:**  
II & III Sahaja  
(Pemborong Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan,  
Negara Brunei Darussalam)

**Kategori:**  
B01

**Bayaran Yuran /  
Dokumen Tawaran:**  
BND30.00  
[Bayaran Yuran / Dokumen  
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Sabtu, 14 Februari 2026

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**  
Selasa, 24 Februari 2026  
Tidak Lewat  
Jam 12.00 Tengah Hari



PERATURAN  
PENGIKLANAN  
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)  
DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

[iklan.pb@information.gov.bn](mailto:iklan.pb@information.gov.bn)

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

**Bilangan dan  
Tajuk Sebut Harga:**  
32 / DBP / SH / 2025-2026  
Pembekalan Sistem Mesh Wifi  
Perpustakaan Dewan Bahasa  
Dan Pustaka  
Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan

**Harga Borang Tawaran:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
10 Februari 2026



**Bilangan dan Nama  
Dokumen Sebut Harga:**  
30 / DBP / SH / 2025-2026  
Mencetak Buku Program Dan  
Pelbagai Percetakan Sempena  
Sambutan Ulang Tahun Hari  
Kebangsaan Negara Brunei  
Darussalam Ke-42, Tahun 2026

**Harga Borang Tawaran:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Selasa,  
10 Februari 2026  
Jam 2.00 Petang





## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin**

**DA / JKSH / 149 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:  
Sekolah Rendah Negalang  
Daerah Temburong  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND43.00 Sebulan

**DA / JKSH / 150 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:  
Sekolah Rendah Haji Tarif  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND52.00 Sebulan

**DA / JKSH / 151 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:  
Sekolah Rendah Panchor Murai  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND54.00 Sebulan

**DA / JKSH / 152 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:

Sekolah Rendah Junjungan  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND164.00 Sebulan

**DA / JKSH / 153 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan

Kantin Bagi:  
Sekolah Rendah Orang Kaya  
Setia Bakti, Kilanas  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND202.00 Sebulan

**DA / JKSH / 154 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan

Kantin Bagi:  
Sekolah Rendah Sengkurong  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND546.00 Sebulan

**DA / JKSH / 155 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:  
Sekolah Rendah Bengkurong  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND188.00 Sebulan

**DA / JKSH / 156 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:  
Sekolah Rendah Katok 'B'  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND470.00 Sebulan

**DA / JKSH / 157 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:  
Sekolah Rendah Rimba III  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND370.00 Sebulan

**DA / JKSH / 158 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:  
Sekolah Rendah Anggerek Desa  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND264.00 Sebulan

**DA / JKSH / 159 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:

Sekolah Rendah Serasa, Muara  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**  
BND128.00 Sebulan

**DA / JKSH / 160 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:  
Maktab Sultan Omar Ali  
Saifuddin

Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun  
[Kantin Bahagian Blok 'B']

**Harga Sewa Kantin:**  
BND1,015.00 Sebulan

**DA / JKSH / 161 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan

Kantin Bagi:  
Sekolah Menengah Sayyidina  
Hasan  
Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun  
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:**  
BND1,090.00 Sebulan

**DA / JKSH / 162 / 2025 / 2026 [BPPA-JAN-2026]**

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin

Bagi:  
Sekolah Menengah Katok  
Daerah Brunei Muara

Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam.  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun  
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:**  
BND791.00 Sebulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**  
Sabtu, 14 Februari 2026  
Jam 9.00 Pagi

**Syarat Khas**

Dibukakan Khas Bagi  
Warga Negara Dan Penduduk  
Tetap Negara Brunei Darussalam,  
Pemilik Syarikat / Premis Syarikat  
Hendaklah Beralamat  
(Mengikut Sijil Perniagaan 16/17)  
Di Tempat Kantin Berkenaan  
Bertapak. Sebagai Contoh,  
Hanya Pemilik Syarikat / Premis  
Syarikat Yang Beralamat  
Di Daerah Brunei Muara Yang  
Dapat Dipertimbangkan  
Untuk Mengendalikan Kantin  
Di Sekolah-Sekolah Yang  
Bertapak Di  
Daerah Brunei Muara.



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan****Bahagian A**

**MOE / LTK / 01 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan

Rancangan Pemakanan Sekolah

Bahagian Skim Minum Bagi:

1. Sekolah Rendah Berakas Garrison
2. Sekolah Rendah Pantai Berakas

Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: SM / 08  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 02 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan

Rancangan Pemakanan Sekolah

Bahagian Makan Bagi

Sekolah Rendah Selapon

Daerah Temburong  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: MKN / 11  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 03 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian

Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi

Program Harapan:

1. Sekolah Rendah Panchong
2. Sekolah Rendah Benutan
3. Sekolah Rendah Kg Bukit

Daerah Tutong  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: PH / S6

Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 04 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan-Keperluan

Pemakanan (Makan Tengah Hari)

Bagi Program Harapan:

1. Sekolah Rendah Sungai Teraban
2. Sekolah Rendah Labi

Daerah Belait  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: PH / T8  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 05 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian

Minuman Kotak Tenusu Bagi

Program Harapan:

1. Sekolah Rendah Pintu Malim
2. Sekolah Rendah Sultan Abdul

Bubin, Sungai Besar

3. Sekolah Rendah Batu Marang

Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: PH / ST3  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan**

**MOE / LTK / 01 / 2026 / 2027**

**Hingga MOE / LTK / 05 / 2026 / 2027:**

BND10.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Bahagian B**

**MOE / LTK / 06 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan

Menghantar Jamuan Harian

Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi

Program Harapan

Maktab Anthony Abell, Seria

Daerah Belait  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: PH / S3  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 07 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian

Makan Tengah Hari Secara Tapau

Bagi Program Harapan:

1. Sekolah Rendah Lamunin
2. Sekolah Rendah Rambai

Daerah Tutong  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: PH / T5  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 08 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Makan

Tengah Hari Secara Tapau Bagi

Program Harapan

Sekolah Rendah Perpindahan

Bukit Beruang II

Daerah Tutong  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: PH / T7  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan**

**MOE / LTK / 06 / 2026 / 2027**

**Hingga MOE / LTK / 08 / 2026 / 2027:**

BND30.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Bahagian C**

**MOE / LTK / 09 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan

Rancangan Pemakanan Sekolah

Bahagian Makan Bagi:

1. Sekolah Rendah Panchong
2. Sekolah Rendah Benutan

Daerah Tutong  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: MKN / 03  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 10 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan

Rancangan Pemakanan Sekolah

Bahagian Asrama Kering Bagi:

Maktab Duli Pengiran Muda

Al-Muhtadee Billah, Gadong

Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: AK / 01  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**MOE / LTK / 11 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian

Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi

Program Harapan

Sekolah Menengah Pehin Datu

Seri Maharaja Mentiri

Daerah Brunei Muara  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: PH / S4  
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**MOE / LTK / 12 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-FEB-2026)]**

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Makan

Tengah Hari Secara Tapau

Bagi Program Harapan

Sekolah Rendah Pengiran

Kesuma Negara

Bukit Beruang

Daerah Tutong  
Kementerian Pendidikan  
Kod Blok: PH / T6  
Bagi Tempoh

Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi Bilangan MOE / LTK / 09 / 2026 / 2027 Hingga MOE / LTK / 12 / 2026 / 2027:**

BND50.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**

Selasa,

24 Februari 2026

Tidak Lewat Jam

12.00 Tengah Hari





**JABATAN BANDARAN  
KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**1. Keterangan Projek:**  
Supply And Install New Carpet Floor At Bangunan Perkhidmatan dan Pemeliharaan Kawasan Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

**Bilangan Tawaran:**  
24 / BBS / SH / 2025 - 2026

**2. Keterangan Projek:**  
Remove, Supply And Install Air Conditioners At Bangunan Dewan Persidangan, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Jalan Mckerron, Kuala Belait

**Bilangan Tawaran:**  
25 / BBS / SH / 2025 - 2026

**Kategori:**  
M01 - Sistem Hawa Dingin Dan Pengedaran Udara (Air Conditioning And Ventilation System)

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00  
(Non-Refundable)

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
10 Februari 2026



**JABATAN KEMAIAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER  
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / LTK / 2025-2026 / 14  
Provision Of Managed Services For The Operations Of Brunei Tourism Information Centres

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
24 Februari 2026  
Jam 12.00  
Tengah Hari.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Makluman Iklan Tarikh Lanjutan**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (C&S) [JPPK / LTN / 11 / 2025 (C&S)]  
Civil & Structural Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

**Tarikh Mula Tawaran:**  
15 Disember 2025

**Syarat Penyertaan:**  
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
24 Februari 2026  
Jam 12.00  
Tengah Hari

**Makluman Iklan Tarikh Lanjutan**

**Rujukan Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (M&E) [JPPK / LTN / 11 / 2025 (M&E)]  
Mechanical & Electrical Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

**Tarikh Mula Tawaran:**  
15 Disember 2025

**Syarat Penyertaan:**  
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
24 Februari 2026  
Jam 12.00  
Tengah Hari



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Makluman Iklan Tarikh Lanjutan**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (QS) [JPPK / LTN / 11 / 2025 (QS)]  
Quantity Surveyor Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

**Tarikh Mula Tawaran:**  
15 Disember 2025

**Syarat Penyertaan:**  
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
24 Februari 2026  
Jam 12.00  
Tengah Hari

**Makluman Iklan Tarikh Lanjutan**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA / GEN / 003 (ARCH) [JPPK / LTN / 11 / 2025 (ARCH)]  
Architect Consultancy Services For The Proposed Airstrip For Royal Brunei Armed Forces

**Tarikh Mula Tawaran:**  
15 Disember 2025

**Syarat Penyertaan:**  
A Qualified Person Authorised by Practicing Certificate issued by BAPEQS at Ministry of Development

**Tempoh Penyiapan Kerja:**  
Sehingga Penyiapan Defects Liability Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

**Yuran Tawaran:**  
BND1,000.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu pada  
**Selasa,  
20 Januari 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
24 Februari 2026  
Jam 12.00 Tengah Hari



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUPAPANB / 2025-2026-1  
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 24 Bulan Bagi Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Aziemah Ni'matul Bolkihah, Mentiri. Kawasan Brunei IIB

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
30 Syaaban 1447H /  
18 Februari 2026M,  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari.



**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUAMP RIPAHS, KATOK / 2025-2026-1  
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SARIPAD / 2025-2026-1  
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Bandar Seri Begawan

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SASHHB, RIMBA / 2025-2026-1  
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkihah, Rimba

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
30 Syaaban 1447H /  
18 Februari 2026M,  
tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.



**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN  
MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Tawaran Bilangan:**  
JDBM / Q / 01 / 2026

**Tawaran:**  
Pakej Pengendalian Persembahan Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
10 Februari 2026,  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN HAL EHWAL  
LUAR NEGERI**

**Bilangan Sebut Harga:**  
13 / ASSET.MFA / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**  
Rental Of Photocopier Machine For ASEAN-EU Ministerial Meeting 2026, Ministry Of Foreign Affairs

**Bayaran Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
11 Februari 2026  
Jam 2.00 Petang





**JABATAN ALAM SEKITAR,  
TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar  
Di Negara Brunei Darussalam

**Kelas**  
II, III & IV

**Kategori**  
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa, 24 Februari 2026

**Tarikh Tutup:**  
Selasa  
3 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga  
Tawaran Kecil, di Tingkat  
Bawah Bangunan Kementerian  
Pembangunan, Lapangan  
Terbang Lama Berakas,  
Bandar Seri Begawan BB3510,  
Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T001 / 2026**  
Kerja-Kerja Penyelenggaraan  
Landskap Ke Jalan Menteri  
Besar,  
Negara Brunei Darussalam Bagi  
Tempoh Tiga (03) Tahun.

**No. Projek:**  
JASTRE / BL / T001 / 2026

**Jumlah Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN DAERAH  
BRUNEI DAN MUARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
JDBM / Q / 01 / 2026  
Pakej Pengendalian  
Persembahan Sempena Majlis  
Keberangkatan KDYMM Beramah  
Mesra Bersama Rakyat Bertempat  
Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali  
Saifuddin, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
10 Februari 2026,  
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



**INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut  
Harga:**  
IPA / PENT / SEBHAR / 354  
[2026 - 2027]

Tawaran Menghadapkan Kertas  
Cadangan Dan Sebut Harga Bagi  
Perkhidmatan Latihan Di Institut  
Perkhidmatan Awam Bagi Tempoh  
1 April 2026 Hingga 31 Mac 2027

**Tarikh Tutup Menghadapkan  
Sebut Harga:**  
Selasa,  
10 Februari 2026  
Jam 9.00 Pagi

**Yuran Pendaftaran:**  
BND100.00  
(Tidak Dikembalikan)



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Call For Expression Of Interest**

Tawaran Tapak Bagi  
Menjalankan Perusahaan  
Ternakan Udang Menggunakan  
Teknologi Di Tapak Ternakan  
Udang Lot 16636,  
Pangkalan Sibabau Zon 1,  
Kampung Mentiri,  
Negara Brunei Darussalam

Jabatan Perikanan,  
Kementerian Sumber-Sumber  
Utama dan Pelancongan  
memaklumkan adanya  
kekosongan satu lot (1) bagi  
menjalankan perusahaan  
ternakan udang menggunakan  
teknologi di Tapak Ternakan  
Udang Lot 16636,  
Pangkalan Sibabau Zon 1,  
Kampung Mentiri,  
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup EOI:**  
Khamis,  
12 Mac 2026  
Jam 12.00  
Tengah Hari



**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Keterangan  
Tawaran:**  
(01) JBS / ADM / QC / 2026  
Construct New Reinforced  
Concrete Flooring Slab (Open  
Area) at Games Village, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan  
Tawaran:**  
(04) JBS / ADM / QC / 2026  
Mechanical and Electrical Term  
Maintenance for a Period of  
Thirty-Six (36) Months for  
Multipurpose Hall and Pedestrian  
Mall, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan  
Tawaran:**  
(05) JBS / ADM / QC / 2026  
Mechanical and Electrical Term  
Maintenance for a period of  
Thirty-Six (36) Months for Indoor  
Stadium, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan  
Tawaran:**  
(06) JBS / ADM / QC / 2026  
Mechanical and Electrical Term  
Maintenance for a Period of  
Thirty-Six (36) Months for Youth  
Centre, BSB

**Bilangan dan Keterangan  
Tawaran:**  
(07) JBS / ADM / QC / 2026  
Mechanical and Electrical Term  
Maintenance for a Period of  
Thirty-Six (36) Months for Berakas  
Sports Complex

**Bilangan dan Keterangan  
Tawaran:**  
(08) JBS / ADM / QC / 2026  
Mechanical and Electrical Term  
Maintenance for a Period of  
Thirty-Six (36) Months for National  
Swimming Pool, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan  
Tawaran:**  
(09) JBS / ADM / QC / 2026  
Conversion of Existing Floodlight  
System to LED Lighting System  
(Fittings and Bulbs) For Track and  
Field, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan  
Tawaran:**  
(10) JBS / ADM / QC / 2026  
Supply and Install Louvre Panels  
at Mumong Sport Complex

**Bilangan dan Keterangan  
Tawaran:**  
(11) JBS / ADM / QC / 2026  
To Propose, Supply, Delivery,  
Installation, Configuration, Testing,  
Maintenance and Warranty of  
Close Circuit Television (CCTV)  
System at Berakas Sports  
Complex

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup:**  
Khamis,  
12 Februari 2026



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
ATELS / 2025 / SH-34  
To Supply, Install And Configure  
Of New CCTV System At ATC,  
Department Of Civil Aviation

**Tarikh Iklan / Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
Rabu,  
28 Januari 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Sebut Harga:**  
Selasa,  
17 Februari 2026

**Tarikh Tutup  
Sebut Harga:**  
Rabu,  
18 Februari 2026  
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
d/a Aras Bawah,  
Bangunan Ibu Pejabat  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan  
dan Infokomunikasi  
Bandar Seri Begawan  
BB2513  
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
KSSUP / BPK / JKSH /  
ADMIN / 4 / 2025-2026

**Tajuk Sebut Harga:**  
Menyediakan Jamuan Dan  
Membekalkan Kelengkapan Bagi  
Acara-Acara Keagamaan Semasa  
Bulan Ramadhan 1447H / 2026M,  
Kementerian Sumber-Sumber  
Utama Dan Pelancongan

**Tarikh Buka Sebut Harga:**  
Sabtu,  
19 Januari 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Khamis,  
12 Februari 2026  
Jam 2.00 Petang

**Tarikh Taklimat  
(Jika Berkenaan):**  
Bermula 19 Januari 2026, Isnin  
Jam Semasa Waktu Bekerja

**Yuran Setiap  
Satu Sebut Harga:**  
BND5.00  
(Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran Adalah  
Secara Dalam Talian





**BALAI KHAZANAH ISLAM  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**

**MAKLUMAN PEMBUKAAN SEMULA  
NOTICE OF RE-OPENING**

---

**SEBAHAGIAN GALERI 9:  
A SECTION OF GALLERY 9:**


**GALERI KESANIAN ISLAM, TONGKAT DAN TASBIH  
ISLAMIC ART, WALKING STICKS AND PRAYER BEADS GALLERY**

**BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**

**HARI AHAD | SUNDAY  
13 SYAABAN 1447 H | 1 FEBRUARI 2026 M**

© BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH | WWW.BKSHB.GOV.BN | +673 2220702 / +6738553267

# PENYAKIT KARDIOVASKULAR



## DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

### FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

### LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah awda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

### TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

*Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.*

“Fahami risiko awda”

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



# FENOMENA AIR KEMERAH-MERAHAN DIKESAN

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perikanan



**MAKLUMAT KEJADIAN AIR KEMERAH-MERAHAN**

Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan bahawa berdasarkan hasil pemantauan berterusan dan analisis makmal, beberapa kawasan perairan Negara Brunei Darussalam kini mengalami kejadian air kemerah-merahan.

**APAKAH AIR KEMERAH-MERAHAN?**

Jumlah alga yang meningkat pada kadar yang tinggi, atau juga dikenali sebagai fenomena air kemerah-merahan, berisiko apabila koloni alga, iaitu organisma tumbuhan yang hidup di kawasan perairan, tumbuh di luar kawalan hingga menghasilkan kesan toksik kepada spesies haiwan akuatik seperti ikan-ikan dan kerang-kerangan.

**TINDAKAN JABATAN PERIKANAN**

Jabatan Perikanan telah mempertingkatkan kerja-kerja pemantauan ke atas kejadian air kemerah-merahan dengan meningkatkan kekerapan analisis melalui stesen-stesen persampelan kualiti air yang dikenalpasti di setiap Daerah.

**AMARAN KEPADA ORANG RAMAI**

- Jangan makan kerang-kerangan dan ikan kecil yang tidak boleh dibuang insang atau perut dari kawasan yang terjejas.
- Buang insang, perut dan organ-organ dalaman ikan sebelum dimasak.

+673 277 0068 | www.fisheries.gov.bn | fisheries.brunei | bnfisheries

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 6 Februari. - Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, (KSSUP) ingin memaklumkan bahawa hasil daripada laporan pemantauan dan analisis makmal, yang telah dijalankan pada 4 Februari 2026 mendapati bahawa fenomena air kemerah-merahan telah dikesan di kawasan perairan luar pesisir pantai iaitu 40 kilometer dari

kawasan perairan Muara.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan ingin menasihati orang ramai agar tidak menggunakan air di kawasan persekitaran yang terjejas kerana air tersebut mengandungi organisma yang menghasilkan toksin berbahaya kepada manusia.

Orang ramai, terutamanya nelayan, adalah ditegah daripada menangkap ikan atau mengutip

kerang kerangan di kawasan perairan yang terjejas, dan untuk tidak mengambil ikan yang didapati mati di perairan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai diingatkan untuk membuang semua insang, perut dan organ-organ dalaman ikan sebelum dimasak serta tidak memakan ikan-ikan kecil yang tidak dapat dibuang insang, perut dan organ-organ dalaman dan kerang-kerangan dari kawasan yang terjejas atau yang tidak diketahui tempat asalnya.

Jabatan Perikanan, KSSUP akan terus memantau kejadian air kemerah-merahan ini dan memaklumkan kepada orang ramai tentang keadaan terkini dari semasa ke semasa.

Orang ramai, khususnya para nelayan dan pengusaha-pengusaha sangkar ikan bolehlah melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air atau jika menjumpai ikan-ikan mati dalam jumlah yang banyak di kawasan perairan dan pantai-pantai NBD melalui talian-talian berikut iaitu +673 2770068 (waktu bekerja) atau melalui e-mel di [enquiry@fisheries.gov.bn](mailto:enquiry@fisheries.gov.bn).

Seterusnya, orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak menyebarkan sebarang maklumat yang belum disahkan secara rasmi oleh pihak berkuasa.

Sebarang maklumat atau pertanyaan yang berkaitan boleh disalurkan secara langsung kepada Jabatan Perikanan melalui beberapa platform terbuka dalam bentuk laman sesawang dan akaun-akaun media sosial Jabatan Perikanan.

## 2 pelajar terima Sijil Penyertaan Program Simulasi Kerja



MAJLIS Penyampaian Sijil Penyertaan kepada dua orang pelajar Program Pra-Vokasional yang terlibat dalam aktiviti pembungkusan bahan perasa KFC.

# PUISI

## Malam Nisfu Syaaban kali ini

Di bawah purnama nan genap sinarnya,  
Pantulan lampu menyentuh Sungai Brunei yang setia,  
Langit membuka helaian rahsia,  
Ada doa berlayar dari bumi Melayu Islam Beraja,  
serta umat Islam di seluruh pelosok dunia.

Syaaban...

Diapit antara bulan Rejab dan Ramadan yang berkat,  
Berjuta jiwa memohon keampunan, menyeru Ya Rabbana,  
Di pertengahan bulannya ialah Hari Raya para malaikat,  
Sejarah suci pun bersinar di malam nan mulia.

Bangunan masjid Brunei megah berdiri,  
Malam peristiwa petunjuk sujud umat Islam ke Kaabah,  
Surah Yasin dilantuni rakyat tiga kali,  
Dengan rintihan doa yang bergetar dan mata yang berlinang basah.

Wahai jiwa dan bangsa,  
Ramadan kian menyapa,  
Segala yang tersembunyi dan segala yang pernah alpa,  
Mari kita bentangkan kepada Yang Maha Esa.

Ya Rabb, Ya Rahman, malam ini kami datang,  
Dengan ketulusan hati dan dada yang lapang.  
Meningkatkan khushyuk yang terjebak hilang,  
Di antara zikir dan hela nafas,  
Kami kembali merajut semula iman yang hampir terlepas.

Malam Nisfu Syaaban kali ini,  
Sebagai jambatan kami menuju bulan suci,  
Puasa Hari Putih Ayyamul Bidh kami laksanakan,  
Merebut-rebut pahala,  
sedekah dan amal Jariah digandakan,  
Agar kami tiba di mulianya Ramadan,  
Membekal jiwa yang lebih patuh,  
Dan cinta kepada Rabb dan Rasul kami yang lebih kukuh.

Di bulan penuh peristiwa ini,  
Kami menghulur dan menadah luas kedua belah tapak tangan,

Wahai Tuhan Yang Maha Kaya lagi Maha Pemberi,  
Kurniakan Bumi Brunei Darussalam, Raja dan Rakyat kami keselamatan,  
Afiyah dan takdir baik yang berterusan,  
Semoga kami dan sesaudara Islam kami sentiasa dilimpahkan Rahmat,  
mendapat keredaan dan syurga-Mu kelak.  
Aamin Ya Rabbal Alamin..

Nukilan  
Syuhaidah Suhaili  
27 Januari 2026

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Februari. - Sekolah Menengah Sayyidina Husain pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan kepada dua orang pelajar Program Pra-Vokasional yang terlibat dalam aktiviti pembungkusan bahan perasa KFC.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ketua Sumber Manusia KFC Brunei, Anne Lembayung.

Turut hadir ialah Pengetua Sekolah berkenaan, Dayang Nor'izzah binti Haji Othman; Pengurus Perolehan KFC Brunei, Clarice Petrus; Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin; timbalan pengetua akademik, timbalan pengetua pentadbiran, dan pelajar-pelajar.

Dalam ucapan Timbalan Pengetua Akademik, Sia Ai Kim antara lain menyatakan bagi pihak sekolah merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada KFC Brunei dan Jabatan

Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan atas aktiviti kolaborasi pembungkusan di bawah Program Simulasi Kerja.

Acara diteruskan dengan penyampaian sijil penyertaan oleh Ketua Sumber Manusia KFC, Anne Lembayung kepada dua orang pelajar yang terlibat dalam program simulasi kerja tersebut.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan daripada Pengetua Sekolah berkenaan kepada Anne Lembayung.

Setakat tahun 2026, sebanyak empat buah sekolah menengah kerajaan yang terpilih telah melaksanakan program simulasi kerja ini, iaitu Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman, Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja dan Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

Program simulasi kerja ini merupakan salah satu program utama di bawah Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

INFO Teknologi



# Teknologi dron dan penggunaannya dalam memudahkan pekerjaan

## Pendahuluan

**D**RON atau pesawat tanpa pemandu dikaitkan dengan penggunaan ketenteraan atau hobi fotografi udara. Namun, dengan perkembangan teknologi penggunaan dron semakin meluas dan ia telah melonjak daripada sekadar alat rekreasi kepada rakan kerja industri yang membawa kemudahan. Dengan keupayaannya mengakses persekitaran sukar dan mengumpul data pantas, dron kini menjadi pemudah kerja utama dalam pelbagai sektor, meningkatkan kecekapan, keselamatan dan ketepatan.

Sistem dron terdiri daripada komponen fizikal dan sistem kawalan. Komponen fizikal utama termasuk rangka, motor elektrik tanpa berus, pengawal kelajuan elektronik (ESC), bilah kipas, dan bateri Li-Po. Penerbangan pengawal berfungsi sebagai 'otak' yang dipasang dengan sensor kestabilan dan modul GPS untuk navigasi. Penerima isyarat dan muatan seperti kamera dengan gimbal melengkapkan struktur asas.

Sistem kawalan dron pula merangkumi pemancar kawalan jarak jauh, stesen tanah perisian pelan misi dan sistem telemetri untuk komunikasi data dan perisian *firmware* mengawal operasi autonomi. Semua komponen ini bersepadu untuk menjamin kestabilan, kawalan dan keupayaan melaksanakan misi dron.

## Penggunaan dron semakin meluas

Salah satu sumbangan terbesar dron

adalah dalam bidang pemetaan dan pemeriksaan infrastruktur. Dalam sektor pembinaan, dron dilengkapi kamera resolusi tinggi dan sensor LiDAR digunakan untuk meninjau tapak projek. Ia menghasilkan model 3D yang tepat, mengukur stok longgokan bahan, dan memantau kemajuan kerja hanya dalam masa beberapa minit - tugas yang sebelum ini mengambil masa lebih lama dengan tenaga manusia yang terhad. Dalam industri tenaga, dron boleh digunakan untuk memeriksa talian elektrik voltan tinggi, panel solar, dan turbin angin. Ia dapat mengesan keretakan, kepanasan berlebihan, atau kerosakan tanpa perlu mematikan sistem atau menghantar pekerja untuk memanjat struktur berbahaya. Pemeriksaan dron bukan sahaja lebih selamat tetapi juga lebih menyeluruh, dan boleh membantu mencegah kegagalan yang membawa kepada kerugian dan gangguan perkhidmatan.

Sektor pertanian mengalami transformasi ketara dengan integrasi dron. Dron pertanian dilengkapi dengan sensor multispektral dan haba yang dapat menganalisis kesihatan tanaman dengan merakam data yang tidak kelihatan oleh mata kasar. Ia mengesan tekanan air, serangan perosak atau kekurangan nutrien pada peringkat awal. Data ini membolehkan petani bertindak secara tepat (*precision farming*) seperti menyiram, menyembur racun, atau membaja hanya di kawasan yang memerlukan, mengurangkan penggunaan input sehingga 30 peratus - 50 peratus dan meningkatkan hasil. Dron juga mampu menyemai benih dan menyembur racun serangga dengan cepat

dan seragam di kawasan yang luas dan sukar diakses, menjimatkan masa dan tenaga buruh secara drastik.

Walaupun masih dalam peringkat perkembangan dan percubaan regulasi, penggunaan dron untuk logistik dan penghantaran menunjukkan potensi besar. Syarikat yang menawarkan perkhidmatan penghantaran sedang giat menguji penghantaran paket kecil, makanan, dan barang perubatan ke kawasan bandar dan pedalaman. Dron penghantar dapat mengatasi kesesakan lalu lintas, mengurangkan masa penghantaran dari jam ke minit, dan mencapai lokasi terpencil semasa bencana atau kecemasan perubatan. Dalam sektor perkilangan dan gudang, dron digunakan untuk mengurus inventori di rak tinggi, mengimbas kod bar dan mengangkut komponen kecil di dalam fasiliti yang besar, meningkatkan kelajuan dan ketepatan operasi.

Dalam situasi kecemasan seperti kebakaran hutan, banjir atau gempa bumi, dron berperanan sebagai mata di langit yang penting. Ia memberikan gambaran situasi sebenar kepada pasukan penyelamat, mengesan mangsa terperangkap menggunakan sensor haba, dan menghantar bantuan kecemasan seperti pelampung atau radio. Untuk pemuliharaan alam, dron memantau populasi hidupan liar, mengesan aktiviti pemburuan haram, dan menilai kesihatan hutan dengan cara yang kurang mengganggu ekosistem berbanding kaedah konvensional.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan  
Foto : Ihsan Freepik

## Cabaran dan masa depan

Walaupun manfaatnya jelas, integrasi dron secara meluas masih menghadapi cabaran. Isu regulasi ruang udara rendah, kebimbangan privasi, keselamatan siber dan keperluan untuk infrastruktur sokongan seperti stesen pengecasan dan jaringan komunikasi khusus perlu ditangani. Masa depan teknologi dron semakin cerah dengan perkembangan Kecerdasan Buatan (AI) dan autonomi. Dron akan menjadi lebih 'pintar', mampu membuat keputusan asas, berkoordinasi dalam kawanan (*swarm*) untuk menyelesaikan tugas besar dan beroperasi sepenuhnya tanpa kawalan langsung manusia.

Teknologi dron telah melangkaui batasan sebagai alat mainan atau tentera. Ia telah mengukuhkan dirinya sebagai alat produktiviti yang mengubah landskap pekerjaan tradisional. Dengan menawarkan penyelesaian yang lebih pantas, selamat, murah, dan tepat, dron bukan sekadar memudahkan pekerjaan ia mentakrifkan semula cara kerja dilakukan. Dari ladang ke tapak bina, dari gudang ke lokasi bencana, dron terbang sebagai lambang inovasi, mendorong pelbagai industri ke arah kecekapan dan keberkesanan operasi yang belum pernah dicapai sebelum ini. Penerimaan dan penyepaduan teknologi ini yang berterusan akan terus membuka langit kepada kemungkinan pekerjaan yang lebih mudah dan lebih bijak.





## Jom wujudkan persekitaran kerja sihat, kondusif

Oleh : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz  
 Ilustrasi : Amdelah Haji Tujoh

**K**ADANG-kadang kita terfikir, tempat kerja hanyalah tempat untuk 'datang, kerja, balik'. Pada awal pagi semangat bekerja mungkin tinggi tapi menjelang tengah hari semangat untuk bekerja berkurangan, letih, hilang fokus bukan disebabkan banyak kerja tetapi persekitaran yang tidak sihat.

Sebenarnya, tempat kerja memberi pengaruh yang sangat besar kepada emosi, kesihatan mental, produktiviti juga hubungan dengan rakan sekerja kerana di situlah tempat kita untuk menyelesaikan pelbagai tugas, berinteraksi dengan ramai orang dan membuat keputusan penting. Disebabkan itu, tempat kerja yang sihat dan kondusif amat diperlukan, bukan sekadar untuk kelihatan cantik tetapi selesai untuk semua.

Jadi macam mana kita boleh wujudkan persekitaran kerja yang sihat dan kondusif? Jom kita huraikan sedikit dengan cara mudah melalui 5W 1H, iaitu What (Apa), Who (Siapa), When (Bila), Where (Di mana), Why (Kenapa) dan How (Bagaimana).

### What (Apa) - Apa yang dimaksudkan dengan persekitaran kerja yang sihat dan kondusif?

Persekitaran kerja yang sihat ialah suasana tempat kerja yang menyokong kesejahteraan pekerja dari segi mental, fizikal dan sosial. Manakala tempat kerja yang kondusif pula suasana kerja yang selesa, selamat, tenang dan positif dalam pelbagai aspek yang membolehkan pekerja membuat kerja secara efisien dan efektif. Apabila ia wujud dalam sesebuah organisasi, bukan saja dapat meningkatkan prestasi, malah mampu mengekalkan tenaga kerja yang berkualiti melalui faktor-faktor berikut :

- Keselamatan fizikal : Tiada risiko bahaya, persekitaran yang selamat digunakan.
- Kesihatan mental : Kurang tekanan, tidak ada yang bersikap toksik.
- Komunikasi yang sihat : Jujur, jelas, berhemah dan profesional.
- Hubungan kerja harmoni : Saling menghormati, berkomunikasi dan bekerjasama.
- Budaya kerja seimbang : Produktif, efektif dan tidak *burnout*.

Dalam kata lain, tempat kerja yang sihat boleh membuatkan kita rasa dihargai bukan sebaliknya.

### Who (Siapa) - Siapa yang bertanggungjawab mewujudkannya?

Untuk mewujudkan tempat kerja yang sihat bukanlah tugas satu pihak saja tetapi ia adalah tanggungjawab semua pihak.

#### Majikan / Pengurusan

- Menyediakan garis panduan, sistem kerja dan kemudahan yang sesuai.
- Memastikan kebajikan pekerja diambil kira termasuk keseimbangan kerja dan peluang pembangunan diri.
- Membina budaya kerja positif dengan menjadi teladan dan berkomunikasi yang jelas.
- Menjadi contoh dalam disiplin yang baik dan etika kerja yang baik supaya pekerja mudah mengikuti.

#### Pekerja

- Menjaga etika kerja, menghormati rakan sekerja dan bertanggungjawab dengan tugas masing-masing.
- Mengelak daripada menyebarkan gosip, fitnah atau konflik yang boleh merosakkan suasana kerja.

#### Rakan sekerja

- Memberi sokongan moral dan membantu bila perlu.
- Menghargai perbezaan pendapat tanpa menjatuhkan sesama sendiri.

Kesimpulannya, tempat kerja kondusif memerlukan kerjasama semua pihak bukan hanya tanggungjawab satu pihak sahaja.

### When (Bila) - Bila masa yang bersesuaian untuk membina persekitaran kerja yang sihat?

Jawapannya adalah mudah, kita lakukan sekarang jangan biarkan hingga berlakunya :

- Produktiviti dan prestasi kerja menurun;
- Konflik semakin banyak, atau
- Pekerja mula mengalami stres atau *burnout*.

Persekitaran kerja yang sihat perlu dibuat secara berterusan. Dimulakan dengan langkah kecil seperti :

- Memperbaiki cara teguran supaya lebih membina;
- Mengurangkan budaya menyalahkan; dan
- Mewujudkan ruang komunikasi yang selamat di antara majikan dan pekerja.

### Where (Di mana) - Di mana persekitaran kondusif boleh diwujudkan?

Persekitaran kerja yang sihat dan kondusif boleh diwujudkan di mana-mana sahaja, sama ada di pejabat, syarikat, kedai, restoran, sekolah atau Kerja Dari Rumah (Work From Home - WFH).

Tempat kerja bukan hanya dinilai dari rupa dan hiasan semata-matanya, tetapi cara bekerja dan budaya yang diamalkan. Sebagai contoh : Tempat kerja yang nampak biasa-biasa, tetapi suasananya harmoni, selesa dan menenangkan. Sebaliknya, tempat yang moden dan cantik, tetapi pekerja sentiasa rasa tertekan dan tidak tenang.

Ini menunjukkan bahawa kondusif tidak hanya terletak kepada susun atur atau kecantikan ruang sahaja tetapi pada sikap, budaya dan sistem kerja yang diamalkan.

### Why (Kenapa) - Kenapa pentingnya persekitaran kerja yang sihat?

Ini kerana persekitaran kerja yang sihat bukan sekadar untuk 'rasa selesa' tetapi ia memberi impak besar kepada pekerja dan organisasi, antaranya :

- Produktiviti meningkat : Pekerja lebih fokus dan cepat untuk menyiapkan tugas apabila emosi stabil.

- Kesihatan fizikal terjaga :

Ruang kerja yang selesa, jadual seimbang dan rehat mencukupi

mengurangkan masalah seperti tekanan kerja, stres dan *burnout*.

- Komunikasi baik : Hubungan antara rakan sekerja lebih mesra, mengurangkan salah faham dan konflik.

- Organisasi stabil : Apabila pekerja rasa dihargai, mereka akan lebih bersemangat dan komited dalam melaksanakan tugas.

Ringkasnya, tempat kerja yang sihat melahirkan pekerja yang cergas, cekap, berdaya tahan dan mentaliti yang kuat.

### How (Bagaimana)

#### - Bagaimana mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan kondusif?

Ada beberapa langkah mudah yang boleh dilakukan, iaitu dengan mengamalkan komunikasi berhemah; Tidak meninggikan suara atau memalukan di hadapan khalayak ramai; Wujudkan budaya hormat menghormati; Pastikan ruang kerja selamat dan selesa; Galakkan keseimbangan kerja; Susun jadual kerja lebih realistik; Elakkan tugas *last minute*; Hargai usaha pekerja; dan Tangani konflik dengan profesional dan bijaksana.

### Kesimpulan

Persekitaran kerja yang sihat dan kondusif bukan sesuatu yang mustahil untuk diwujudkan. Ia bermula dengan sikap-sikap kecil seperti cara kita bercakap; cara kita menghormati; cara kita mengawal tekanan. Bila semua pihak memainkan peranan, kerja akan jadi lebih lancar, efisien produktif dan suasana jadi lebih aman dan menyenangkan.

Kerja memang tuntutan hidup, tetapi biarlah kerja itu membina diri, bukan memusnahkan emosi.



## GOTONG-ROYONG BERSIHKAN TANAH PERKUBURAN



MAJLIS Perundingan Kampung (MPK) Lambak 'A' mengadakan gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Orang Islam Bukit Bayut Kampung Lambak 'A'.

### Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Lambak 'A'

**KAMPUNG LAMBAK**, Jumaat, 6 Februari. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lambak 'A' telah mengadakan gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Orang Islam Bukit Bayut Kampung Lambak 'A', hari ini.

Kempen Kebersihan yang

dihadiri seramai 20 Ahli MPK tersebut diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung, Kampung Awang Haji Ibrahim bin Haji Abdul Rahman.

Aktiviti tersebut diadakan adalah bersempena kedatangan bulan Ramadan yang bakal menjelang

tidak lama lagi dan ia juga diharapkan dapat menzahirkan amalan bergotong-royong dan terus mengeratkan lagi ikatan silaturahmi bersama anak buah kampung.

Dalam masa yang sama, Kempen Kebersihan tersebut juga bertujuan untuk mengamalkan lagi gaya hidup sihat dalam kalangan Ahli MPK Lambak 'A'.

**TALI PINGGANG KELEDAR BOLEH MENYELAMATKAN NYAWA, GUNAKANNYA SEMASA PERJALANAN.**

SEAT BELTS CAN SAVE LIVES, ALWAYS BUCKLE UP WHEN TRAVELLING.

Road Safety Depends on #YouAndMe

## Formula anak damit berisiko toksin Cereulide

### Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Makanan Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Februari. - Susulan Kenyataan Akhbar terdahulu Pihak Berkuasa Makanan Brunei Darussalam (BDFM) mengenai 'Maklumat berkaitan formula anak damit berisiko toksin Cereulide' bertarikh 25 Januari 2026 dan berdasarkan maklumat terkini yang dikeluarkan oleh negara jiran, satu penarikan balik produk lanjut telah dikeluarkan sebagai langkah berjaga-jaga susulan daripada pengesanan toksin Cereulide.

Produk yang terjejas adalah Dumex Dulac Tahap 1 dan Dumex Dulac Tahap 2 dari Thailand.

Sehubungan itu, BDFM mengesahkan bahawa, melalui pemantauan proaktif dan komunikasi dengan pengimport

rasmi tempatan, semua jenama atau batch yang terjejas tidak diimport secara komersial ke negara ini.

Namun begitu, orang awam yang telah membeli produk ini di luar negara dan membawanya masuk ke negara ini untuk kegunaan peribadi atau membeli melalui platform dalam talian, dinasihatkan supaya menghentikan penggunaan produk ini dengan serta-merta.

Cereulide adalah toksin yang dihasilkan oleh bakteria Bacillus Cereus yang boleh menyebabkan simptom gastrousus seperti loya, muntah, kekejangan perut dan cirit-birit.

Simptom biasanya muncul dalam 30 minit hingga enam jam

selepas pengambilan dan biasanya akan reda dalam sehari; golongan berisiko tinggi seperti anak damit dan individu dengan sistem imun yang lemah berisiko lebih tinggi untuk mengalami komplikasi. Mereka yang telah mengambil produk ini dan berasa tidak sihat dinasihatkan mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.

BDFM ingin mengingatkan semua bahawa di bawah Seksyen 9, subseksyen (1), subperenggan (i) Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Bab 182), mana-mana individu yang menyediakan, menjual, atau mengimport makanan yang boleh membahayakan kesihatan boleh dipenjarakan sehingga lima tahun, didenda, atau kedua-duanya sekali.

Untuk sebarang pertanyaan



PRODUK yang terjejas adalah Dumex Dulac Tahap 1 dan Dumex Dulac Tahap 2 dari Thailand (kiri dan kanan).

lanjut, orang awam boleh menghubungi BDFM melalui

Hotline di +673 2572121 atau e-mel ke [corporate.relations@bdfa.gov.bn](mailto:corporate.relations@bdfa.gov.bn).

## Pembatalan Sijil Halal R.M.S Ice Cream Ventures

### Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



SEBATANG berus yang diperbuat daripada bulu khinzir yang telah digunakan dalam proses penyediaan kon aiskrim dan dijual dalam kenderaan-kenderaan tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) ingin memaklumkan bahawa Bahagian Kawalan Makanan Halal, melalui kuasa yang diberikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah menjalankan tindakan

pembatalan Sijil Halal di bawah Bab 6(3), Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005, ke atas R.M.S Ice Cream Ventures beralamat No. 4, Simpang 1092, Kampung Kilanas, Jalan Tutong, BF2520 Negara Brunei Darussalam dan melibatkan empat buah kenderaan bernombor pendaftaran BAH5898,

BA750, BAB1350 dan BAJ5877, berkuat kuasa serta-merta.

Pembatalan Sijil Halal dan Sijil Penyelia Halal tersebut adalah hasil daripada pemantauan rutin yang dijalankan oleh Pegawai - pegawai Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal ke atas pemegang-pemegang Sijil Halal dan Permit MUIB.

Semasa pemantauan dijalankan ke premis yang didaftarkan di dalam Sijil Halal syarikat berkenaan, pegawai-pegawai penguat kuasa telah menemui sebatang berus yang diperbuat daripada bulu khinzir yang telah digunakan dalam proses penyediaan kon aiskrim dan dijual dalam kenderaan-kenderaan tersebut.

Berus yang diperbuat daripada bulu khinzir ini telah disahkan melalui analisis makmal yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan.

Kes ini sedang disiasat di bawah

Bab 37, Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan jika sabit kesalahan akan dikenakan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi BND8,000 atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, semua pemegang Sijil Halal dan Permit MUIB di negara ini adalah diingatkan agar sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang serta syarat-syarat Pensijilan Halal yang telah ditetapkan.

KHEU juga ingin menegaskan bahawa setiap pemegang Sijil Halal dan Permit bertanggungjawab sepenuhnya memastikan semua peralatan, bahan dan proses penyediaan makanan adalah halal, suci serta bebas daripada sebarang unsur yang tidak halal atau meragukan.

Sebarang pelanggaran terhadap syarat pensijilan merupakan perbuatan yang amat serius dan menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang kerana ia

boleh menyebabkan masyarakat Islam di negara ini terdedah kepada pengambilan makanan yang tidak Halal atau diragui kehalalannya serta mencemarkan integriti sistem Pensijilan Halal negara.

Pegawai - pegawai Penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES akan terus menjalankan operasi pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuhan berterusan terhadap peruntukan undang-undang dan syarat Pensijilan Halal.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat atau ingin membuat aduan berkaitan penggunaan atau penjualan produk tidak halal di premis perniagaan boleh menyalurkan aduan terus kepada Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES melalui talian +673 7166222 atau dengan hadir ke Pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di daerah masing-masing.



## SEBANYAK 618 KEMUDAHAN KESIHATAN BERISIKO DITUTUP DI SOMALIA

**MOGADISHU, 5 Feb.** - Pengurangan pembiayaan penderma boleh mengakibatkan penutupan 618 kemudahan kesihatan di Somalia pada 2026, kata Pertubuhan Kesihatan

Sedunia (WHO) pada Rabu, lapor Xinhua.

Agensi kesihatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu berkata 95 peratus belanjawan kesihatan Somalia bergantung kepada pembiayaan luar, sambil memaklumkan yang 51 hospital

daerah, 413 pusat kesihatan dan 154 unit kesihatan primer berkemungkinan ditutup pada 2026 akibat pemotongan dana.

"Kemudahan ini merupakan talian hayat, terutamanya di kawasan yang sukar diakses, terdedah kepada kejutan iklim dan

mencatat kadar kekurangan zat makanan tertinggi," kata WHO dalam laporan rayuan keemasannya.

Menurut PBB, pemotongan dana memaksa agensi kemanusiaan di seluruh Somalia mengurangkan atau menutup sepenuhnya intervensi kritikal, sekali gus mengurangkan secara drastik program penyelamatan nyawa dan meletakkan jutaan nyawa dalam risiko.

WHO memberi amaran, tanpa pelaburan baharu daripada rakan kongsi, Somalia berisiko kehilangan kemajuan kesihatan awam yang penting, sekali gus meningkatkan kebarangkalian wabak penyakit berskala besar dan kematian

yang boleh dicegah di seluruh negara.

Pada 2025, hampir enam juta orang memerlukan bantuan kemanusiaan dan perlindungan, namun hanya 20 peratus daripada pelan tindak balas kemanusiaan, berjumlah US\$1.42 bilion, berjaya dibiayai, menurut WHO.

Agensi itu turut memaklumkan yang pertempuran bersenjata, sekatan jalan raya dan keadaan tidak aman di sepanjang laluan bekalan utama mengganggu penghantaran bantuan dan memaksa lebih 20 kemudahan kesihatan ditutup pada 2025 susulan kemaraan kumpulan bersenjata bukan negara. - ©BERNAMA

## Piala Malaysia : TFC mahu kutip bekalan selesa bertemu KL City FC

**KUALA NERUS, 5 Feb.** - Terengganu FC (TFC) berazam untuk mengutip bekalan selesa pada aksi suku akhir pertama Piala Malaysia menentang Kuala Lumpur City FC (KL City FC) di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZA) malam esok.

Pemangku Ketua Jurulatih TFC Tengku Hazman Raja Hassan berkata meskipun perlawanan itu tampak mencabar, skuad

Penyu perlu mencipta seberapa banyak gol di tempat sendiri sebagai bekalan selesa apabila bertandang ke Kuala Lumpur pada 16 Februari nanti.

Pengendali berusia 49 tahun itu berkata pemain perlu

mengekalkan momentum positif dan kemenangan untuk mara ke peringkat separuh akhir piala paling berprestij negara itu.

"Saya yakin dengan momentum yang TFC ada sekarang. Aksi pertama di laman sendiri dianggap sebagai kelebihan dan kami akan ambil peluang sepenuhnya untuk mencipta sebanyak mungkin gol," katanya ketika dihubungi hari ini.

Tengku Hazman bagaimanapun berkata persiapan pasukan sedikit terjejas apabila beberapa tonggak utama termasuk Muhammad Safwan Mazlan dan Diego Landis mengalami kecederaan ketika bertemu

Selangor FC pada aksi Liga Super pada Ahad lepas.

Selain itu, jadual perlawanan yang padat pada bulan ini turut menyebabkan banyak pemain utama berdepan masalah keletihan dan kecergasan.

"Saya mungkin perlu melakukan sedikit rombakan pada kesebelasan utama pasukan bagi menjaga stamina dan tahap kecergasan pemain.

"Cabaran Piala Malaysia berbeza dengan Liga Super. Oleh itu, saya ingatkan pemain supaya tingkatan fokus, lebih berwaspada dan tidak ambil mudah kemampuan pasukan lawan," katanya. - ©BERNAMA

## Keadaan migran di Republik Persekutuan Jerman semakin merosot

**BERLIN/NEW YORK, 5 Feb.** - Keadaan kehidupan pendatang dan keturunan mereka di Republik Persekutuan Jerman semakin merosot, menurut badan pemantau hak asasi manusia Human Rights Watch (HRW) pada Rabu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Peningkatan dasar migrasi dan suaka yang bersifat regresif, jenayah kebencian dan ucapan kebencian, serta sekatan terhadap kebebasan bersuara dan berhimpun menimbulkan kebimbangan serius," menurut HRW dalam laporannya mengenai

Republik Persekutuan Jerman.

"Retorik politik parti AfD semakin diterima pakai oleh parti demokratik," kata Almaz Teffera, penyelidik HRW mengenai isu perkauman, ketika pembentangan laporan tahunan terbaharu organisasi itu di Berlin.

Beliau merujuk kepada parti sayap kanan Alternative for Germany (AfD), yang platform utamanya menyeru kepada undang-undang imigrasi yang lebih ketat.

Teffera berkata adalah sesuatu yang memudaratkan apabila individu berlatarbelakangkan

migrasi terlebih dahulu dilabel sebagai satu masalah, namun kemudian ditekankan yang "pendatang yang baik dan bekerja keras di sini" kononnya tidak termasuk dalam kategori itu.

Mengenai dasar luar pula, Pengarah HRW Jerman Philipp Frisch berkata kedua-dua kerajaan gabungan terdahulu berhaluan tengah-kiri dan kerajaan semasa berhaluan tengah - kanan mensiasikan "kredit" moral di peringkat antarabangsa, sekali gus kehilangan pengaruh. - ©BERNAMA

## Organisasi bantuan beri amaran lebih banyak "kematian beramai-ramai" di Sudan

**NAIROBI, 4 Feb.** - Ketua Majlis Pelarian Norway (NRC) memberi amaran bahawa ribuan orang berdepan risiko kematian di wilayah Kordofan Selatan, Sudan, hanya beberapa bulan selepas kejatuhan bandar El Fasher di Darfur, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Susulan lawatan ke wilayah itu, Jan Egeland berkata kumpulan militia sedang mengepung bandar Kadugli dan Dalang, yang juga dikenali sebagai Dilling.

"Ini adalah saat yang kritikal," kata Egeland dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada Isnin. "Kami tahu dengan tepat ke mana arahnya jika dunia tidak mengendahkan perkara ini sekali lagi. Sejarah akan menghakimi kita jika kita membiarkan orang awam di Sudan sekali lagi berhadapan dengan keganasan dan

penderitaan yang tidak berkesudahan".

Beliau berkata terutamanya di Kadugli, di mana kumpulan bersenjata, Pasukan Sokongan Pantas (RSF) telah memutuskan semua laluan bekalan ke bandar itu selama berminggu-minggu, kelaparan kini berleluasa.

Jumlah penduduk yang berada di bandar yang terkepung itu buat masa ini tidak diketahui.

Seramai lebih 160,000 orang tinggal di dua kem pelarian di Pergunungan Nuba di Kordofan Selatan, yang dilawati Egeland minggu lepas. Mereka hampir keseluruhannya terdiri daripada wanita dan kanak-kanak, memandangkan kaum lelaki tidak dibenarkan meninggalkan bandar yang dikepung itu.

Rundingan dengan RSF untuk membawa konvoi makanan ke Kadugli telah gagal.

Memandangkan kekurangan dana dan musim hujan yang akan bermula pada Mei, ini merupakan perlumbaan dengan masa, kata Egeland.

Terdapat kira-kira 12 juta pelarian di Sudan, dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menyifatkannya sebagai krisis kemanusiaan terbesar di dunia.

Bagaimanapun, nampaknya terdapat harapan untuk bandar-bandar yang terkepung itu, apabila seorang jurucakap tentera melaporkan bahawa pasukan kerajaan telah berjaya memecahkan kepungan di Kadugli dan Dalang.

Orang ramai yang bersorak merayakan anggota askar berkenaan dapat dilihat di media sosial. Aktivis Sudan turut mengesahkan ketibaan tentera kerajaan di kedua-dua bandar tersebut. - ©BERNAMA

## Keadaan berais sekat pelepasan di Lapangan Terbang Berlin

**BERLIN, 5 Feb.** - Penerbangan tidak dapat berlepas dari Lapangan Terbang Berlin Brandenburg (BER) pada pagi Khamis berikutan keadaan berais, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

"Tiada pelepasan sedang dijalankan di BER buat masa ini disebabkan keadaan cuaca," kata seorang jurucakap wanita lapangan terbang, sambil menambah bahawa pesawat tidak dapat dinyahais kerana hujan yang membeku dengan pantas.

Gangguan itu hanya menjejaskan pelepasan, manakala penerbangan masuk masih boleh mendarat, kata jurucakap itu. Masih tidak jelas berapa lama penangguhan pelepasan akan berlanjutan.

Penumpang dijangka berdepan pembatalan penerbangan dan kelewatan yang ketara, serta dinasihatkan untuk menyemak status penerbangan mereka dengan syarikat penerbangan masing-masing.

Perkhidmatan Cuaca Jerman (DWD) memberi amaran tentang risiko tinggi keadaan berais yang berbahaya di Berlin disebabkan hujan beku dan ais. - ©BERNAMA

## 2 pesawat bergesel di Lapangan Terbang Mumbai

**NEW DELHI, 4 Feb.** - Dua pesawat dilaporkan bergesel di Lapangan Terbang Mumbai, India pada Selasa, namun semua penumpang tidak mengalami sebarang kecederaan.

Insiden itu berlaku ketika pesawat Air India penerbangan AI2732 sedang bergerak di landasan untuk berlepas, manakala sebuah pesawat IndiGo sedang bergerak selepas mendarat, menurut Direktorat Am Penerbangan Awam India dalam satu kenyataan.

"Semasa bergerak di landasan, hujung sayap kanan kedua-dua pesawat telah bersentuhan antara satu sama lain," menurut kenyataan itu.

Media tempatan melaporkan insiden berkenaan berlaku kira-kira 7.30 malam dan semua penumpang turun dari pesawat dengan selamat.

Pesawat Air India itu dalam penerbangan ke Coimbatore, manakala pesawat IndiGo penerbangan 6E791 baru tiba dari Hyderabad. Kedua-dua pesawat jenis Airbus A320 kini sedang menjalani pemeriksaan. - ©BERNAMA

## Sidang Kemuncak Kerajaan Dunia dibuka di Dubai, catat rekod penyertaan

**DUBAI, 4 Feb.** - Sidang Kemuncak Kerajaan Dunia 2026 dibuka di Dubai pada Selasa dengan mencatatkan rekod penyertaan pemimpin dunia, menteri dan pembuat dasar, menjadikannya perhimpunan antarabangsa terbesar sejak penganjuran acara itu bermula, lapor Xinhua.

Sidang kemuncak tiga hari itu, yang diadakan dengan tema "Shaping Future Governments", menghimpunkan lebih 60 ketua negara dan kerajaan serta timbalan mereka selain lebih 500 menteri, dan wakil daripada lebih 150 negara, menurut penganjur.

Lebih 6,000 peserta menghadiri acara itu yang memberi tumpuan kepada tadbir urus masa depan, kerjasama antarabangsa, perdagangan dan perubahan iklim.

Agenda sidang kemuncak dirangka bagi menangani cabaran ekonomi, teknologi dan sosial global yang mendesak.

Penganjur memaklumkan sidang kemuncak itu akan menampilkan puluhan mesyuarat peringkat menteri serta pelancaran beberapa laporan penyelidikan yang dibangunkan dengan kerjasama rakan kongsi antarabangsa. - ©BERNAMA

# PROJEK SAMBUNGAN KUASA 500-KV CHINA-LAOS MENCAPAI SAMBUNGAN TALIAN PENUH



**KUNMING, 6 Feb.** - Bahagian China dan Laos bagi projek sambungan kuasa 500-kV China-Laos telah disambungkan

secara fizikal pada hari Khamis, menandakan satu langkah besar ke hadapan dalam menjalankan projek ini.

Ini merupakan satu lagi projek utama dalam kerjasama dua hala susulan pembinaan dan operasi Landasan Kereta Api China-Laos. Merentasi keseluruhan panjang 177.5km, laluan penghantaran ini merangkumi bahagian China sepanjang 145 km dan bahagian Laos sepanjang 32.5km.

Infrastruktur ini dibiayai dan dibina oleh China Southern Power Grid Co., Ltd. dan Electricite du Laos

Transmission Company Limited, masing - masing. Setelah beroperasi, projek ini dijangka akan membolehkan kapasiti penghantaran dua hala sebanyak 1.5 juta kW, menyampaikan kira-kira 3 bilion kWh elektrik bersih setiap tahun.

Dengan memperluaskan sambungan fizikal dua hala daripada pengangkutan ke sektor tenaga, projek ini dijangka akan memperkukuh sambungan infrastruktur serantau dan menggalakkan pengoptimuman campuran tenaga dan pembangunan bersih. - ©XINHUA

**GAMBAR** dron yang diambil pada 5 Februari 2026 menunjukkan pekerja pembinaan sedang menuju ke titik sambungan bagi bahagian China dan Laos dalam projek sambungan kuasa 500-kV China-Laos.

## Pakistan, Uzbekistan perkukuh hubungan ekonomi, dorong kesalinghubungan serantau

**NEW DELHI, 6 Feb.** - Pakistan dan Uzbekistan mengesahkan semula komitmen untuk memperkukuh kerjasama ekonomi serta kesalinghubungan serantau, termasuk rancangan mempercepat pelaksanaan Projek Kereta Api Trans-Afghanistan yang menghubungkan Asia Tengah dengan pelabuhan Pakistan.

Perdana Menteri Pakistan, Shehbaz Sharif dan Presiden Uzbekistan, Shavkat Mirziyoyev mengadakan perbincangan pada Khamis yang memberi tumpuan kepada peluasan kerjasama ekonomi dan laluan perdagangan serantau, dengan menetapkan sasaran perdagangan dua hala tahunan sebanyak US\$2 bilion.

"Kami mengadakan pusingan perbincangan yang mesra dan amat produktif, merangkumi keseluruhan spektrum hubungan dua hala, dengan penekanan khusus kepada perdagangan dan pelaburan, kesalinghubungan serantau, pendidikan serta pertukaran budaya," kata Shehbaz dalam hantaran di platform X.

Mirziyoyev tiba di Islamabad pada Khamis untuk lawatan negara selama dua hari.

Kedua-dua pihak menekankan keperluan mempercepat pelaksanaan Projek Kereta Api Trans-Afghanistan, yang akan menghubungkan Uzbekistan dengan pelabuhan Pakistan. Mereka turut mengalu-alukan pelancaran koridor

pengangkutan baharu yang menghubungkan Pakistan, China, Kyrgyzstan dan Uzbekistan bagi meningkatkan perdagangan serantau.

Pakistan dan Uzbekistan turut menandatangani serta bertukar sebanyak 28 memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian.

Menurut kenyataan Uzbekistan, portfolio projek bernilai US\$3.5 bilion meliputi sektor pertanian, kejuruteraan elektrik, geologi, farmaseutikal serta industri ringan dan makanan.

"Perhatian khusus diberikan kepada pembangunan kesalinghubungan pengangkutan dan logistik," menurut kenyataan itu. Sementara itu, ibu negara

Pakistan, Islamabad, akan membina sebuah taman baharu yang dinamakan sempena Zahiruddin Muhammad Babur, pengasas pemerintahan Mughal di Asia Selatan, sebagai langkah untuk memperdalam hubungan sejarah dan budaya dengan Uzbekistan.

Projek Taman Babur itu diumumkan pada satu majlis pada Khamis, yang turut menyaksikan sebatang jalan di Islamabad dinamakan sebagai "Tashkent" sebagai penghormatan kepada ibu

negara Uzbekistan, sekali gus mencerminkan hubungan sejarah dan budayayang eratantara kedua-dua negara.

Tashkent Streetdan taman berkenaan akan menjadi "simbol nyata" komitmen bersama Pakistan dan Uzbekistan untuk mengukuhkan ikatan persahabatan, menurut kenyataan pejabat presiden Uzbekistan.

"Bagi pihak rakyat dan kerajaan Pakistan, saya mengucapkan terima kasih atas hadiah berharga berupa Taman Babur, Tashkent StreetdanFerghana Village," kata Shehbaz kepada Mirziyoyev. - ©BERNAMA

## FIFA : Kelab Inggeris terajui perbelanjaan perpindahan antarabangsa Januari

**LONDON, 6 Feb.** - Kelab Inggeris menerajui perbelanjaan global bagi perpindahan antarabangsa semasa jendela musim sejuk 2026, lapor PA Media/dpa dengan memetik laporan terbaharu FIFA.

Kelab di England membelanjakan US\$363 juta untuk menandatangani bakat dari luar negara, daripada jumlah keseluruhan bola sepak lelaki global sebanyak US\$1.95 bilion, menurut Tinjauan Perpindahan Januari FIFA.

Jumlah itu merupakan rekod kedua tertinggi bagi jendela musim sejuk yang pernah

dicatatkan, di belakang Januari 2025 (US\$2.37 bilion).

Perpindahan Conor Gallagher ke Tottenham dari Atletico Madrid dengan nilai £34.7 juta (US\$47.1 juta) merupakan perbelanjaan terbesar pada Januari bagi pemain yang berpangkalan di luar England, manakala perpindahan Taty Castellanos ke West Ham dari Lazio dan penghijrahan Rayan ke Bournemouth dari Vasco da Gama turut tersenarai antara tawaran terbesar.

Kelab di Itali, Brazil, Jerman dan Perancis merupakan pembelanja terbesar seterusnya

mengekori England, menurut laporan itu.

Januari 2026 terbukti menjadi rekod jendela musim sejuk bagi bola sepak wanita, dengan lebih US\$10.8 juta dibelanjakan oleh kelab-kelab di seluruh dunia, sekali gus memecahkan rekod 2025 sebanyak lebih 85 peratus.

Kelab Inggeris sekali lagi mendahului dengan perbelanjaan sebanyak US\$5.03 juta. Ini termasuk pembelian pemain antarabangsa Amerika Syarikat, Sam Coffey oleh Manchester City dari Portland Thorns. - ©BERNAMA

## Gempa bumi bermagnitud 6.4 landa perairan Pacitan, tujuh cedera

**JAKARTA, 6 Feb.** - Gempa bumi bermagnitud 6.4 melanda perairan Pacitan, Jawa Timur pada awal pagi Jumaat, mengakibatkan sekurang-kurangnya tujuh orang cedera serta merosakkan beberapa buah rumah di beberapa kawasan di Jawa Timur dan Yogyakarta.

Ketua Data, Informasi dan Komunikasi Bencana Badan Nasional Pengurusan Bencana (BNPB) Abdul Muhari, berkata gempa bumi itu berlaku pada 1.06

pagi waktu tempatan, dengan pusat gempa terletak di laut pada kedalaman 10 kilometer (km), kira-kira 90 km di tenggara Pacitan.

"Gegaran turut dirasai di kawasan sekitar, termasuk Trenggalek, Gunungkidul, Bantul dan Yogyakarta," katanya dalam satu kenyataan sambil menambah bahawa tiada ancaman tsunami.

Abdul Muhari berkata gegaran kuat itu dirasai selama dua hingga tiga saat, mencetuskan panik dalam

kalangan penduduk, dengan laporan awal menunjukkan sekurang-kurangnya empat isi rumah terjejas.

Beliau berkata badan pengurusan bencana daerah (BPBD) telah digerakkan untuk memantau keadaan dan menjalankan penilaian pantas, manakala penduduk dinasihatkan supaya kekal tenang, berwaspada terhadap kemungkinan gempa susulan serta mengelak daripada struktur bangunan yang rosak. - ©BERNAMA

## 18 maut dalam letupan dinamit di India

**NEW DELHI, 6 Feb.** - Sekurang-kurangnya 18 orang maut dalam letupan dinamit di sebuah lombong arang batu haram di negeri Meghalaya, timur laut India pada Khamis. Seorang pekerja yang cedera dimasukkan ke hospital susulan kejadian itu.

Ketua Menteri Meghalaya Conrad Sangma berkata kejadian kira-kira 11 pagi itu berlaku di kawasan terpencil yang terletak kira-kira 25 kilometer dari pusat pentadbiran daerah berkenaan. Sangma memberi amaran bahawa pihaknya tidak akan berkompromi terhadap sebarang aktiviti haram.

"Individu yang terlibat dalam sebarang bentuk aktiviti haram akan dikenakan tindakan. Sesiapa yang bertanggungjawab terhadap insiden ini akan dikenakan tindakan yang sangat tegas," katanya kepada pemberita. - ©BERNAMA

## Pencemaran asap kebakaran hutan dikaitkan dengan 24,000 kematian setiap tahun di AS - Kajian

**LOS ANGELES, 6 Feb.** - Pendedahan kronik kepada pencemaran zarah daripada asap kebakaran hutan dikaitkan dengan lebih 24,000 kematian setiap tahun di Amerika Syarikat (AS), menurut satu kajian yang diterbitkan pada Rabu, lapor Xinhua.

Kertas kajian yang diterbitkan dalam jurnal Science Advances meneliti kesan pendedahan jangka panjang kepada zarah halus PM2.5 - partikel udara berukuran sangat kecil (2.5 mikrometer atau lebih kecil) daripada asap kebakaran hutan - terhadap kadar kematian keseluruhan dan mengikut punca di seluruh AS dari 2006 hingga 2020.

Dalam tempoh itu, PM2.5 daripada asap kebakaran hutan menyumbang kepada anggaran 24,100 kematian setiap tahun, menurut kajian itu.

Penyelidik mendapati pendedahan kepada PM2.5 berkaitan kebakaran hutan dikaitkan dengan peningkatan kadar kematian bagi hampir semua punca yang dikaji, kecuali kematian akibat kemalangan pengangkutan atau terjatuh.

Mereka berkata dapatan itu mengetengahkan risiko kesihatan awam yang serius akibat pendedahan kronik kepada asap kebakaran hutan serta menggariskan keperluan mendesak untuk strategi mitigasi yang berkesan. - ©BERNAMA



## METERAI KERJASAMA DALAM BIDANG KECERGASAN, PEMBANGUNAN GAYA HIDUP SIHAT



YAKIN Sports dan HSN Fitness memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama strategik dalam bidang kecergasan dan pembangunan gaya hidup masyarakat sihat (kiri dan kanan).

### ■ Siaran Akhbar dan Foto : HiTUNE Group of Companies

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Februari. - Yakin Sports dan HSN Fitness telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama strategik dalam bidang kecergasan dan pembangunan gaya hidup masyarakat sihat.

Pengerusi Hitune Group of Companies,

Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang berkata kerjasama strategik itu diharapkan dapat memberi manfaat besar kepada komuniti setempat serta memperkukuhkan usaha mempromosikan kecergasan dan kesejahteraan di Negara Brunei Darussalam.

"Inisiatif ini merupakan sumbangan pihak HiTUNE Group of Companies dalam menyokong gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat *kitani*," ujarnya pada Majlis Penandatanganan MoU antara Yakin Sports dan HSN Fitness yang berlangsung di Ibu Pejabat HiTUNE Group of Companies, di sini.

MoU ditandatangani oleh Pengerusi HiTUNE Group of Companies, Pengiran

Zamri dan HSN Fitness diwakili oleh Ketua Jurulatih HSN Fitness, Awang Haji Hasnani@Haji Naning bin Abdul Rahman.

Melalui MoU ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama di bawah inisiatif penajaan Yakin Sports dan HSN Fitness akan menyediakan jurulatih kecergasan dan kemudahan latihan kepada peserta.

## Awangku Muhd. Amirul Fa'iq sertai BAHRAIN BWF Para Badminton World Championships 2026

### ■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Februari. - Atlet badminton para kebangsaan, Awangku Muhd. Amirul Fa'iq bin Pengiran Zali malam tadi berlepas ke Manama, Bahrain bagi

menyertai Kejohanan BAHRAIN BWF Para Badminton World Championships 2026 yang akan berlangsung dari 8 hingga 14 Februari 2026.

Awangku Muhd. Amirul Fa'iq akan bertanding dalam Perseorangan Lelaki dan Beregu Lelaki (berpasangan dengan Xavier Lim dari Republik Singapura) bagi Kategori SH6 (*short stature*).

Penyertaan ke kejohanan berkenaan merupakan satu pencapaian penting bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam sukan para-sukan antarabangsa, menunjukkan penyertaan yang konsisten, prestasi kompetitif, dan pematuhan terhadap kelayakan Persekutuan Badminton Dunia (BWF) dan keperluan kedudukan

**AWANGKU Muhd. Amirul Fa'iq bin Pengiran Zali berlepas ke Manama, Bahrain bagi menyertai Kejohanan BAHRAIN BWF Para Badminton World Championships 2026.**

(ranking) di peringkat tertinggi.

Penyertaan dalam kejohanan berkenaan juga adalah penting untuk mengumpul mata ranking dunia dan membentuk sebahagian daripada laluan berstruktur ke arah kelayakan untuk Sukan Paralimpik Los Angeles 2028.

Awangku Muhd. Amirul Fa'iq diiringi oleh Awang Mohamad Zuno Kartono bin Haji Ali selaku jurulatih. Penyertaan beliau dalam kejohanan tersebut turut mendapat tajaan daripada KZPRO Badminton Club, DX Official Badminton dan Yakin Sports.



## Tahukah Awda

**K**EMENTERIAN Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah memperkenalkan Brunei Identiti Digital, ringkasnya BruneiID iaitu sebuah sistem identiti digital kebangsaan yang berfungsi sebagai pengenalan peribadi individu dalam versi digital. BruneiID membolehkan rakyat dan penduduk melakukan pengesahan identiti secara digital semasa mengakses perkhidmatan kerajaan dalam talian, menggunakan mekanisme *log masuk tunggal* yang disokong oleh pengesahan biometrik.

SUMBER : Pelita Brunei, Januari 2026.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

TIADA SATU PUN DOA YANG SIA-SIA DI SISI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA